

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 6 - 19 MEI 2021

www.selangorkini.my

## Patuhi SOP Aidilfitri

MUKA  
20



#KitaSelangor

**Nikmatilah  
persembahan  
menarik**

Dihoskan oleh:



**9 malam | 2 Syawal**

Layari  [selangortv.my](http://selangortv.my)

Barisan artis popular:



Asnaf seronok dapat beraya  
rumah baharu

14

Kenangan indah berhari  
raya di desa

22

Peniaga bazar Ramadan  
terkejut terima RM500

5

Warga emas sepi sambut  
Hari Lebaran

28

Gaya hipster popular  
bahulu arang

24

Anjur program awasi  
wabak mulai 8 Mei

5

**Habsah Hassan: Lirik lagu raya  
moden kurang syahdu**



**KEBANYAKAN** seni kata  
lagu Aidilfitri tidak lagi me-  
nyentuh perasaan, terpisah  
dari suasana se-  
benar Syawal





Norma baharu jadi amalan,  
 Inisiatif digitalisasi membantu perniagaan,  
 Rumah Idaman kami sediakan,  
 Hidup bahagia sejahtera berkekalan

**Selamat Hari Raya Aidilfitri**  
**Maaf Zahir & Batin**  
**1442H**



Rantaian Mesra Sdn, Bhd.      Koridor Utiliti Selangor Sdn, Bhd.      Selangor Fintech Sdn, Bhd.



Sel  
Care 





*Selamat Hari Raya Aidilfitri*

*★ Riang Raya  
Syukur Bersama*

**selcare.com**  
1800-22-6600

Muat turun aplikasi SELCARE sekarang



Akan Datang





## Enam daerah PKP, tiga kekal PKPB

**SHAH ALAM** - Enam daripada sembilan daerah di Selangor dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 6 hingga 17 Mei, kata menteri kanan keselamatan.

Enam daerah itu ialah Petaling, Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat, Klang dan Sepang. Tiga daerah lagi, Kuala Selangor, Sabak Bernam serta Hulu Selangor kekal dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Pergerakan merentas negeri dan daerah tidak dibenarkan kecuali berkaitan kecemasan, kematian serta kerja.

"Operasi bazar Ramadan masih dibenarkan mengikut tatacara operasi piawai (SOP) ketat. Bagaimanapun, keputusan untuk meneruskan atau menutup bazar di bawah kuasa Kerajaan Negeri," kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 4 Mei.

Ismail Sabri berkata keputusan itu dibuat susulan peningkatan mendadak jangkitan Covid-19 di Selangor selain mahu rantaian penularan diputuskan.

## Ziarah Aidilfitri 1 Syawal sahaja

**SHAH ALAM** - Aktiviti ziarah Aidilfitri enam daerah di negeri ini yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dibenarkan pada 1 Syawal sahaja.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kehadiran tetamu dihad kepada 15 individu dalam satu-satu masa mengikut saiz rumah.

Katanya, aktiviti ziarah di Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang dikenakan PKP Bersyarat (PKPB) dibenarkan sehingga 3 Syawal dengan tetamu tidak lebih 20 orang.

Beliau berkata solat sunat hari raya di masjid dan surau dibenarkan tetapi bilangannya ditetapkan pihak berkuasa agama negeri.

"Tuan rumah digalakkan menyediakan pengimbas suhu, menggunakan kod QR MySejahtera atau sediakan buku mencatat nama dan nombor telefon tetamu," katanya.

## Jumlah katil pesakit Covid-19 ditambah

**SHAH ALAM** - Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) akan menambah bilangan katil rawatan kritikal atau unit rawatan rapi (ICU) untuk pesakit Covid-19.

Pengarah Kesihatan Selangor berkata sebanyak 200 katil disediakan bagi menangani kemungkinan peningkatan mendadak kes di Selangor berbanding 142 katil pada masa ini, lapor Bernama.

Beliau berkata JKNS akan menggunakan sumber luar termasuk kemudahan swasta bagi menampung keperluan bagi kes bukan Covid-19 yang perlu rawatan segera.

Semalam, Majlis Keselamatan Negara (MKN) memaklumkan enam daripada sembilan daerah di Selangor dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 6 hingga 17 Mei.

# Hargai peranan lebih tiga juta pekerja

**SHAH ALAM** - Pelbagai inisiatif dijalankan bagi membela kebajikan kira-kira 3.5 juta pekerja di Selangor ekoran penularan wabak Covid-19, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menegaskan golongan yang dianggap tulang belakang pembangunan negeri sentiasa diberi keutamaan dalam pelbagai aspek.

"Sebab itu, Kerajaan Negeri laksanakan program Mengelak Penularan di Tempat

Kawasan Panas (POIS) demi membolehkan industri dan ekonomi dapat berjalan, sekali gus dapat mengelakkan tercetus kluster tempat kerja.

"Kita turut lancarkan pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin 1, 2 dan 3 serta Pakej Kita Selangor bagi melegakan beban ekonomi mereka akibat pandemik," katanya sempena sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei.

Amirudin berkata pihaknya turut memfokus aspek pengupayaan modal insan bagi memberi nilai tambah kepada pekerja seiring keperluan landskap Revolusi Perindustrian 4.0.

"Penglibatan dan peranan pekerja sektor pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan kesihatan cukup besar. Selamat Hari Pekerja, terima kasih atas jasa dan perkhidmatan anda semua," katanya.

## Sedia kediaman berdaya huni

# Lebih 80,000 Rumah Selangorku dibina



**Amirudin (dua, kiri) menyampaikan kunci rumah kepada pemilik Rumah Selangorku Residensi Adelia, Kajang pada 2 Mei. Foto FIKRI YUSOF**

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**KAJANG** - Kerajaan Selangor meluluskan pembinaan 80,650 unit Rumah Selangorku Idaman dan Rumah Selangorku Harapan menerusi 41 projek.

Dato' Menteri Besar berkata lebih 77,000 daripada jumlah itu ditawarkan kepada orang awam manakala selebihnya untuk Skim Smart Sewa Kemudian Beli (2STAY).

Selain itu, Dato' Seri Amirudin Shari menambah sebanyak 900 unit lagi untuk skim 2STAY dengan kapasiti kurang 1,000 kaki persegi akan dibina menjelang akhir

tahun ini.

"Kerajaan Negeri juga akan gunakan wang denda kepada pemaju yang gagal menjual unit Bumiputera untuk membina rumah khas skim 2STAY ini," katanya pada 2 Mei.

Terdahulu, Amirudin menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Selangorku Residensi Adelia selepas melawat tapak projek Rumah Idaman di Persiaran Tropicana dekat sini.

Beliau berkata kelulusan projek perumahan yang lengkap dengan kemudahan membuktikan Kerajaan Negeri serius membantu rakyat untuk memiliki

kediaman.

Menjelang empat tahun lagi, beliau yakin dapat menyediakan rumah berdaya huni dilengkapi prasarana untuk kegunaan masyarakat.

"Jadi lepas ini kita boleh keluar daripada gambaran negatif terhadap rumah kos rendah dengan kemudahan daif, keadaan menakutkan dan mengecewakan" katanya.

Menerusi Belanjawan Selangor 2021, Amirudin mengumumkan sebanyak RM20 juta bagi Program Skim Smart Sewa menggunakan dana Tabung Amanah Pengecualian Syarat Kuota Bumiputera.



Jejak kes aktif serata negeri

# Program awasi wabak mulai 8 Mei

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor mengadakan program pengawasan bagi mengenal pasti kes aktif Covid-19 di seluruh negeri mulai 8 Mei hingga 10 Jun.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata program saringan dimulakan sekitar Kajang dan Semenyih dengan kos ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

"Saringan percuma ini akan dilaksanakan di dua Dewan Undangan Negeri (DUN) setiap hari meliputi seluruh 56 DUN yang terletak dalam Selangor.

"Program ini akan memberi man-

faat dan peluang kepada rakyat yang berisiko, pernah menjadi kontak pesakit Covid-19, bergejala dan bimbang tentang status mereka," katanya dalam kenyataan pada 4 Mei.

Amirudin berkata program permulaan Fasa Mitigasi Wabak Pandemik Covid-19 Negeri Selangor berikutan kenaikan kes yang tinggi dalam tempoh beberapa minggu.

Beliau menjelaskan situasi kian membimbangkan apabila ada kalangan masyarakat tidak tahu dijangkiti virus kerana tidak bergejala dan sihat.

"Golongan ini amat merisaukan kerana mereka boleh menularkan dan menjangkiti kumpulan berisiko tinggi.

"Diharapkan rakyat akan mengambil langkah proaktif dengan menjalani saringan mengikut tarikh yang ditetapkan dan memainkan peranan untuk mengurangkan wabak Covid-19," kata Amirudin.

Kerajaan Negeri memperuntuk RM6 juta bagi meneruskan Saringan Komuniti Covid-19 secara percuma untuk membendung penularan wabak.

Program menyasar penglibatan 50,000 penduduk meliputi kawasan berkepadatan tinggi dan golongan berpendapatan rendah.

Senarai lokasi DUN dan tarikh Saringan Komuniti Covid-19 seperti di sebelah:

## Tutup sekolah bendung penularan

**SHAH ALAM** - Semua sekolah di seluruh negeri ditutup bagi membendung penularan Covid-19 yang meningkat kebelakangan ini.

Dato' Menteri Besar berkata penutupan termasuk institusi kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) turut meliputi daerah yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Semua institusi pendidikan di Selangor akan ditutup mulai 6 Mei dan saya berharap pengurusan sekolah swasta juga berbuat demikian," kata Dato' Seri Amirudin Shari dalam sidang media khas pada 5 Mei.

Dalam kenyataan lain, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Izmi Ismail berkata penutupan 938 sekolah dibuat dua hari lebih awal berbanding tarikh asal.

"Sepatutnya sekolah ditutup bermula 8 Mei sempena cuti Aidilfitri, tetapi disebabkan peningkatan kes Covid-19, kita buat keputusan supaya sekolah ditutup lebih awal mulai 6 Mei," katanya.

Surat pekeling yang disahkan Izmi menyatakan penutupan dibuat atas nasihat Mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri Selangor (JKKNS) bagi meminimumkan pergerakan orang

ramai.

"Penutupan sekolah ini akan berterusan sehingga cuti hari raya Aidilfitri sepelembaga diumumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 26 April lalu.

"Pergerakan pulang murid asrama sempena cuti hari raya Aidilfitri tahun ini adalah sepertimana yang telah dijadual oleh pihak sekolah," menurut surat berkenaan.

Enam daerah di Selangor iaitu Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Kuala Langat dan Sepang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 6 Mei hingga 17 Mei.

## Operasi bazar Ramadan dihenti

**SHAH ALAM** - Semua operasi bazar Ramadan di enam daerah yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dihenti mulai 8 Mei.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata penutupan itu diputuskan selepas mengambil kira peniaga telah beroperasi selama 25 hari.

Namun, beliau berkata pengan-

juruan bazar Aidilfitri dan pasar malam dibenar beroperasi hingga jam 10 malam dengan syarat ketat bagi memastikan tiada penularan virus.

Katanya, bilangan pengunjung pada satu-satu masa dihad mengikut saiz premis selain membuat sistem nombor giliran tetapi kanak-kanak bawah 12 tahun dilarang masuk.

"Lain-lain perkara akan diputuskan

dari masa ke masa oleh pengurusan bazar, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia," katanya.

Amirudin berkata pengurusan bazar juga perlu melantik pegawai pemantau bagi memastikan pematuhan tatacara operasi piawai (SOP) atau berdepan saman dan ditutup serta-merta.

## Peniaga terjejas terima RM500

**SHAH ALAM** - Bantuan sebanyak RM500 disalurkan kepada kira-kira 11,000 peniaga yang terjejas susulan penutupan bazar Ramadan di negeri ini.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan RM5 juta bagi meringankan beban golongan

tersebut.

"Menyedari masalah melanda peniaga, Kerajaan Negeri menerusi pihak berkuasa tempatan akan membantu mereka mendaftar dan diagih selepas Aidilfitri," katanya.

Amirudin menjelaskan bantuan tersebut juga bagi menanggung kere-

sahan mereka akibat penutupan bazar mulai 8 Mei.

Penutup bazar Ramadan susulan Perintah Kawalan Pergerakan membabitkan enam daerah iaitu Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Kuala Langat dan Sepang bermula 6 hingga 17 Mei.

### SARINGAN KOMUNITI COVID-19

#### DAERAH

#### Hulu Langat

DUN	TARIKH
Semenyih	8 Mei 2021
Kajang	8 Mei 2021
Sungai Ramal	9 Mei 2021
Balakong	9 Mei 2021
Teratai	10 Mei 2021
Dusun Tua	10 Mei 2021
Lembah Jaya	11 Mei 2021
Pandan Indah	11 Mei 2021
Bukit Antarabangsa	18 Mei 2021

#### DAERAH

#### Gombak

DUN	TARIKH
Hulu Kelang	18 Mei 2021
Sungai Tua	19 Mei 2021
Gombak Setia	19 Mei 2021
Rawang	20 Mei 2021
Taman Templer	20 Mei 2021
Kuang	21 Mei 2021

#### DAERAH

#### Petaling

DUN	TARIKH
Seri Kembangan	21 Mei 2021
Seri Serdang	22 Mei 2021
Kinrara	22 Mei 2021
Subang Jaya	23 Mei 2021
Seri Setia	23 Mei 2021
Taman Medan	24 Mei 2021
Bukit Gasing	24 Mei 2021
Kampung Tunku	25 Mei 2021
Bandar Utama	25 Mei 2021
Bukit Lanjan	26 Mei 2021
Paya Jaras	26 Mei 2021
Kota Damansara	27 Mei 2021
Kota Anggerik	27 Mei 2021
Batu Tiga	28 Mei 2021

#### DAERAH

#### Klang

DUN	TARIKH
Meru	28 Mei 2021
Sementa	29 Mei 2021
Selat Klang	29 Mei 2021
Bandar Baru Klang	30 Mei 2021
Pelabuhan Klang	30 Mei 2021
Pandamaran	31 Mei 2021
Sentosa	31 Mei 2021
Sungai Kandis	1 Jun 2021
Kota Kemuning	1 Jun 2021

#### DAERAH

#### Selangor

DUN	TARIKH
Dengkil	2 Jun 2021
Sungai Pelek	2 Jun 2021

#### DAERAH

#### Kuala Langat

DUN	TARIKH
Sijangkang	3 Jun 2021
Banting	3 Jun 2021
Morib	4 Jun 2021
Tanjong Sepat	4 Jun 2021



## Mangsa ribut dapat bantuan segera

**HULU SELANGOR** - Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Hulu Selangor menghulur bantuan segera RM300 serta bantuan makanan kepada keluarga terjejas akibat kejadian ribut pada 29 April.

Dato' Menteri Besar berkata PDT juga diminta berbincang dengan anak syarikat Kerajaan Negeri, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berhubung kos pembaikan empat rumah yang rosak teruk.

"MBI ada peruntukan khas untuk melaksanakan program tanggungjawab korporat untuk membaiki kerosakan rumah.

"Malah, kita juga boleh dapatkan bantuan Lembaga Zakat Selangor jika perlu," kata Dato' Seri Amirudin Shari selepas menyerahkan sumbangan masjid daerah Hulu Selangor di sini pada 30 April.

Sehari sebelum itu, empat rumah di Kampung Kalumpang, Rawang terjejas teruk akibat ribut yang turut menyebabkan Pondok Bustanul Asyrafiah dinaiki air.

## 7,000 anak yatim terima sumbangan

**SHAH ALAM** - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) mengagih sumbangan Aidilfitri berjumlah RM775,800 kepada 7,758 anak yatim di sembilan daerah pada tahun ini.

Penolong pengurus seksyen perancangan strategiknya berkata bantuan RM100 seorang disalur ke akaun bank anak yatim secara berperingkat bermula awal Ramadan.

"Setiap tahun, Yide memberi sumbangan kepada semua anak yatim tetapi program tahunan penyerahan bersama Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah kali ini dibatalkan.

"Ia mengambil kira situasi semasa pandemik Covid-19 yang belum dapat dibendung sepenuhnya selain mengelak jangkitan wabak," kata Muhammad Hafiz Bahari pada 3 Mei.

Terdahulu, beliau menghadiri program Mahabbah Aidilfitri KDEB Waste Management (KDEBWM) dan Yide di gedung tekstil Jakel, Seksyen 7 di sini.

Menerusi program itu, seramai 94 anak yatim dan asnaf dari tiga pusat jagaan berdaftar bawah Yide memilih sendiri baju raya sebagai persediaan menyambut Hari Lebaran.

Muhammad Hafiz turut berterima kasih atas kerjasama syarikat pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam itu.

## Sumbang keperluan asas, komputer riba

# Raja Muda serah duit raya anak yatim



Tengku Amir Shah (tengah) bersama pelajar Pusat Jagaan Kanak-kanak Rukaiyah Yatim dan Miskin, Kajang pada 28 April. Foto FIKRI YUSOF

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**KAJANG** - Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor berkenan menyerahkan sumbangan Aidilfitri kepada Pusat Jagaan Kanak-kanak Yatim dan Miskin Anak Yatim Rukaiyah, Sungai Merab di sini pada 28 April.

Tengku Amir Shah menyumbang antaranya barang makanan, biskut raya, pelitup muka dan komputer riba manakala 33 penghuni pusat jagaan itu

menerima duit serta baju raya.

Baginda turut berkenan meluangkan masa meninjau premis berkenaan selain beramah mesra dengan penghuni dan kakitangannya.

Ketua pegawai eksekutif Komuniti Belia Selangor (SAY) berkata sumbangan menerusi program Sunway Raya Cheer dijalin bersama Sunway Group sejak empat tahun lalu.

Nurul Azwa Mohd Rodzi berkata bantuan berkenaan melibatkan 190 anak yatim dari empat rumah kebajikan

dengan peruntukan hampir RM28,000.

"Bantuan turut diberi kepada Persekutuan Kebajikan dan Perlindungan Rumah Jalinan Kasih di Cheras serta Pusat Jagaan Darul Sakinah Angkasa dan rumah anak yatim bukan Islam Shelter Home For Children di Petaling Jaya.

"Tahun ini serahan agak berbeza kerana pandemik Covid-19. Selalunya kita bawa anak-anak membeli baju raya tetapi kali ini kita beli dan hantar kepada mereka," katanya.

## RM2.02 juta untuk 27 rumah kebajikan

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM2.02 juta disumbang Majlis Agama Islam Selangor (Mais) kepada 27 Rumah Pemulihan Al-Riqab.

Setiausaha Mais Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata bantuan menerusi ge-

ran sukuan pertama tahun 2021 bertujuan membantu golongan asnaf.

"Pemberian ini bagi membantu memulih, melindungi, merawat, mencegah dan mengawal golongan ini agar mereka kembali ke pangkal jalan.

"Menerusi bantuan, golongan riqab mendapat manfaat wang zakat melalui program pemulihan yang dilaksanakan," katanya selepas majlis khatam al-Quran dan Iftar Perdana Riqab 2021 di sini pada 29 April.

WAKTU SOLAT	6 MEI - 12 MEI 2021 24 - 30 RAMADAN 1442	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Khamis		5:42	5:52	7:01	1:13	4:32	7:20	8:32	5:44	5:54	7:03	1:15	4:34	7:22	8:34	5:43	5:53	7:03	1:13	4:33	7:20	8:32
07 Jumaat		5:42	5:52	7:01	1:13	4:33	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:15	4:35	7:22	8:34	5:43	5:53	7:03	1:13	4:33	7:20	8:32
08 Sabtu		5:42	5:52	7:01	1:13	4:33	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:15	4:35	7:22	8:34	5:43	5:53	7:02	1:13	4:34	7:20	8:32
09 Ahad		5:41	5:51	7:01	1:13	4:33	7:20	8:32	5:43	5:53	7:02	1:15	4:35	7:22	8:35	5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:32
10 Isnin		5:41	5:51	7:01	1:13	4:33	7:20	8:33	5:43	5:53	7:02	1:15	4:35	7:22	8:35	5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:33
11 Selasa		5:41	5:51	7:01	1:13	4:34	7:20	8:33	5:42	5:52	7:02	1:15	4:36	7:22	8:35	5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:33
12 Rabu		5:41	5:51	7:01	1:13	4:34	7:20	8:33	5:42	5:52	7:02	1:15	4:36	7:22	8:35	5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:33





# Selamat Hari Raya Aidilfitri

Semoga keterbatasan peluang dan ruang ini tidak menjadi penghalang untuk kita mengeratkan lagi hubungan kasih sayang antara keluarga, sanak saudara serta jiran tetangga. Semarakkanlah sambutan Aidilfitri kali ini dengan bermaaf-maafan serta bertanya khabar kepada mereka yang berada di kejauhan. Moga lebaran tahun ini dirai dengan penuh rasa keinsafan dan kesyukuran.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin

**MOHAMAD RAZIF ABDUL WAHAB**

Ketua Pegawai Eksekutif Central Spectrum (M) Sdn. Bhd.

A Master Developer :



Flagship Developments & Initiatives :



Wholly-owned Subsidiaries :



**1-800-222-909**  
[www.centralspectrum.com.my](http://www.centralspectrum.com.my)



## SIDANG PENGARANG

Penasihat  
**Lembaga Penasihat Editorial**

Pengarang kumpulan:  
**Fathi Aris Omar**  
fathi@mediaselangor.com

### KETUA JABATAN

Edisi Mandarin:  
**Seh Pei Sun**  
peisun@mediaselangor.com

Selangor Journal:  
**Ida Nadirah Ibrahim**  
ida@mediaselangor.com

Tamil Indru:  
**Pakiyanathan Anamaly**  
pakiyanathan@mediaselangor.com

SelangorTV:  
**Marniza Othman**  
marniza@mediaselangor.com  
**Ameen Azizul**  
ameen@mediaselangor.com

Media Sosial:  
**Faridzwan Abdul Ghafar**  
faridzwan@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:  
**Suziana Zulkifli**  
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:  
**Adzhar Maludin**  
adzharaludin@mediaselangor.com

## selangorkini

Ketua pengarang:  
**Fazallah Pit**  
fazallah@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:  
**Naeem Raffi**

Penolong pengarang portal:  
**Mohd Ezli Mashut**

Ketua wartawan:  
**Afix Redzuan**

Ketua jurufoto:  
**Asri Sappie**

Artis grafik kanan:  
**Azwa Malek**

Editorial: [info@mediaselangor.com](mailto:info@mediaselangor.com)  
Iklan: [sales@mediaselangor.com](mailto:sales@mediaselangor.com)  
Pemasaran: [marketing@mediaselangor.com](mailto:marketing@mediaselangor.com)



**MediaSelangor**

Media Selangor Sdn Bhd  
Aras 11 Menara Bank Rakyat, No 1 Jalan  
Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam,  
Selangor.

Tel: 03-5523 4856 Fax: 03-5523 6856



Sultan Sharafuddin berkenan menerima zakat perniagaan sebanyak RM2,494,749.39 daripada PKNS pada 2 Mei. Foto Facebook Selangor Royal Office

## Sultan terima zakat niaga lebih RM8 juta

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor berkenan menerima zakat perniagaan bagi pihak Lembaga Zakat Selangor berjumlah RM8.02 juta pada 2 Mei.

Mengikuti Facebook Selangor Royal Office, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj

menerima zakat dalam majlis ringkas di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong di sini.

"Zakat berkenaan diterima daripada Pertubuhan Peladang Kebangsaan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Per-

modalan Negeri Selangor Berhad," menurut kenyataan itu.

Turut hadir Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Selesai majlis, baginda berkenan menuaikan solat maghrib, isyak dan tarawih secara berjemaah di masjid tersebut.

## Jenaka rogol boleh rosakkan minda pelajar

# Negeri sedia bantu pembelajaran Ain

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri bersedia meneliti cadangan bagi membantu sesi pembelajaran Ain Husniza Saiful Nizam termasuk persediaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dato' Menteri Besar berkata remaja berusia 17 tahun yang membuat pendedahan berhubung jenaka rogol oleh gurunya itu wajar dipuji kerana menegakkan hak pelajar perempuan.

"Saya ada kongsi isu Ain Husniza ini kepada beberapa orang dan ada yang ingin mengambil dia sebagai anak angkat, beri pendidikan tetapi perkara ini perlu dibincang dahulu dengan keluarganya.

"Keberanian Ain Husniza dalam mengetengahkan isu ini juga wajar diberi penghargaan malah saya dimaklumkan Ain tidak ke sekolah hari ini sedangkan dia bakal menduduki SPM," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 4 Mei.

Pada masa sama, Amirudin berkata Kementerian Pendidikan Malaysia perlu

memandang serius isu yang boleh merosakkan minda pelajar sekolah itu jika tidak diambil tindakan.

Malah, Ain Husniza menceritakan gurauan itu disambut gelak tawa pelajar lelaki sedangkan gurauan itu menimbulkan rasa trauma dalam kalangan pelajar perempuan.

Pada 23 April, seorang pelajar memuat naik video menerusi aplikasi TikTok mengenai perbuatan guru yang berjenaka mengenai kes rogol.

Kejadian itu dipercayai berlaku di sebuah sekolah di Selangor.

## Percepat RUU berkaitan gangguan seks

**SHAH ALAM** - EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga menggesa pembentangan rang undang-undang (RUU) berkaitan gangguan seks dipercepat susulan isu jenaka rogol baru-baru ini.

Memandang serius perkara



itu, Dr Siti Mariah Mahmud menegaskan jenaka sedemikian yang dipandang ringan sebahagian masyarakat perlu segera dihentikan.

Beliau juga berharap pelajar perempuan yang mendedahkan perbuatan guru seko-

lahnya dilindungi Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

"Saya menggesa kerajaan menilai tindakan guru tersebut berdasarkan Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018," katanya pada 30 April.





PENDIDIKAN LINGGUL : MENGUPAYA INSAN, MEREALISASI WAWASAN

**Tulus Ikhlas Daripada :**

**Lembaga Pemegang Amanah,  
Warga Kerja, Alumni &  
Seluruh Pelajar Yayasan Selangor**

**Selamat  
Hari Raya**

**Aidilfitri**



[yayasanselangorofficial](#) [yayasanselangor](#) [yayasanselangorofficial](#) [yselangorportal](#)

[yayasanselangor.org.my](http://yayasanselangor.org.my)



**Sambutan Aidilfitri tidak lengkap tanpa iringan melodi dan bait puitis yang menghidupkan suasana. Tidak lapuk dek hujan tak lekang dek panas, lagu raya lama kekal jadi pilihan ramai merentasi peredaran zaman. Wartawan AFIX REDZUAN dan jurufoto HAFIZ OTHMAN menemu bual penulis lirik tersohor DATUK HABSAH HASSAN mengupas isu lirik lagu raya.**

## Mengapa lagu Aidilfitri lama terus popular berbanding lagu sekarang terutama dari segi lirik?

Saya rasa kerana kebanyakan penulis muda tidak mempunyai pengalaman yang dekat dengan kehidupan dan budaya Melayu lama sebenarnya. Apatah lagi lahir dan membesar dalam era baharu di tengah bandar.

Lagu lama ada jiwanya tersendiri kerana hari raya hari istimewa bagi orang Islam dan dirai orang Melayu di Malaysia.

Biasanya lagu raya berkisar pada pengalaman beraya semasa kecil, remaja, dewasa dan kenangan indah atau sayu bersama ibu bapa, sanak saudara dan sahabat handai.

Kemanisan perhubungan ini yang selalu dijadikan gambaran di samping sentuhan terhadap iman, keindahan alam, desa, masyarakat dan budaya Melayu.

Ciri-ciri ini kurang ditemui dalam lagu baharu. Saya rasa tidak boleh disalahkan mereka (penulis lirik baharu). Mungkin kurang pendedahan, pengalaman dan pembacaan menyebabkan penghayatan mereka terhadap "roh" hari raya sedikit hambar.

Sebagai contoh, lagu *Selamat Hari Raya* nyanyian Allahyarhamah Saloma dan *Suara Takbir* nyanyian Allahyarham Tan Sri P Ramlee. Contohnya, lagu *Selamat Hari Raya* nyanyian Allahyarhamah Saloma, *Suara Takbir* dan *Dendang Perantau* nyanyian Allahyarham Tan Sri P Ramlee.

Lagunya ringkas liriknya mudah tetapi hingga ke hari ini, tanpa lagu-lagu itu, kita dapat rasakan seolah-olah tiada suasana raya.

Sekitar 1970-an, 1980-an dan 1990-an, ada juga lirik lagu-lagu raya yang saya tulis. Kami juga tidak lari dari nostalgia. Alhamdulillah ada antaranya diterima baik dan menjadi malar segar.

Walaupun generasi baharu tidak melalui apa yang kami lalui tetapi mereka nampaknya boleh terima lagu-lagu raya begitu. Antaranya *Suasana Hari Raya* (Anuar Zain dan Ellina), *Sepasang Kurung Bir* (Khairil Joharai Johar) dan *Selamat Hari Raya* (Rahimah Rahim).

Selain *Suara Takbir* yang wajib, lagu-lagu raya lama seolah-olah menjadi "Signature Tune". Penghayatan penulis terhadap suasana raya boleh melahirkan seni kata yang menyentuh hati.



# Bait Aidilfitri

## Sejauh mana pengalaman dan kekuatan melodi menjadikan sesebuah lirik indah?

Hari raya suatu hari yang syahdu, indah dan gembira. Jadi, melodi dan lirik harus jalan seiring. Tidak mengapa komposer generasi baru memilih irama rancak dan penulis lirik melakar seni kata yang mudah dan ringkas. Trend muzik memang sentiasa berubah. Yang penting melodi, tema dan kupasan lirik, cerita di sebalik lagu harus menyentuh naluri pendengar.

Sebab itu, saya katakan lagu-lagu nyanyian Allahyarhamah Saloma tentang kegembiraan, mercon dan kuih-muih adalah perkara yang dilalui sejak dahulu hingga sekarang.

Macam lagu *Suara Takbir* (mengisahkan) takbir itu sendiri. Kesayuan kita sedang menyambut hari raya apatah yang kehilangan ibu bapa atau insan tersayang.

Melodi dan lirik yang seiring menyulam rasa serta menghasilkan karya yang cantik.

## Apakah lirik lagu kegemaran Datuk?

Saya sebenarnya ada banyak lagu kegemaran contohnya *Dendang Perantau*. Walaupun saya dibesarkan di Singapura tetapi kehidupan di sana tidak jauh beza dengan masyarakat luar bandar di Malaysia.

Saya pula berkesempatan berhijrah ke Melaka dan merasai suasana raya di kampung. Jadi apabila menulis, ia tidak lari daripada pengalaman.

Tidak perlu ikut apa yang orang buat tetapi sudah namanya lagu raya, kita tidak boleh lari dari tema dan penceritaan hampir sama. Maksudnya cerita sama tetapi sentuhannya berbeza. Contohnya lagu *Abang Pulang*. Tidak sentuh hari raya secara langsung tetapi bercerita tentang pengalaman manis anak muda pulang ke kampung dan sambutan indah yang diterimanya.

## Untuk hasilkan lirik, apakah faktor yang mendorong ilham?

Yang penting bukan sahaja menulis lirik, tulis apa saja termasuk cerpen dan puisi. Pertama, mesti ada pengalaman tetapi tidak semua ada pengalaman luas.

Kedua, rajin membaca. Contohnya, kalau mahu menulis mengenai desa, kita kena banyak membaca mengenai desa walaupun tidak pernah melaluinya.

Sekarang senang. Dengan adanya media baharu, kita boleh tengok YouTube untuk dapat gambaran masa silam. Yang penting pendedahan melalui pembacaan dan menonton.

Satu lagi kita kena rajin bertanya. Orang dulu-dulu kata "Malu bertanya sesat jalan". Rajinlah bertanya orang lama, orang pandai untuk menimba ilmu.

Kita juga harus tahu golongan sasaran, perlu fikir mengapa orang ingin dengar dan baca karya kita. Jika tidak banyak, sedikitpun

karya perlu ada keistimewaan berbanding yang lain.

Satu lagi kalau ingin menjadi penulis, perlu ada penguasaan bahasa. Perbendaharaan kata kita sangat luas. Sedih melihatkan nasib generasi baru. Sangat kurang didedahkan dengan khazanah bahasa Melayu yang indah.

"Melentur buluh biar dari rebung" membentuk minda dan keperibadian anak bangsa biar dari usia muda. Kanak-kanak dan pelajar hari ini difahamkan sangat kurang, malah tidak diajar peribahasa, perumpamaan, bidalan, pantun seloka dan kekayaan cerita rakyat. Sedih!

Ini semua keindahan yang perlu kita pertahan dan belajar supaya tidak hilang. Sayangnya, sekarang tidak banyak. Sedihlah kerana itu perbendaharaan kita, harta kita, khazanah yang ditinggalkan orang tua kita. Di situ sebenarnya memperlihatkan kebijaksanaan orang-orang dahulu.

Orang sekarang ramai yang pandai, ada ijazah tetapi sayang kurang bijak. Kebijaksanaan itu yang perlu kita cari.

## Berapa tempoh untuk siapkan satu lirik?

Bergantung. Kadang-kadang kita ada 'mood', faktor *deadline* selain itu saya suka ambil ruang yang selesa. Kalau ada *deadline* saya tiada pilihan, kena paksa diri untuk fokus.

Tetapi kebanyakan waktu, saya diberi kelonggaran. Kalau sudah ada idea, satu hari (lirik) boleh siap. Ada kalanya idea itu berubah-ubah.

Pada saya, menulis lirik seperti juga menghasilkan tulisan lain. Walau umumnya lirik lagu ada 16 baris ayat tetapi ia harus mengandungi mesej dan jalan cerita.

Yang menyanyi harus pandai mentafsir dan menghayati serta boleh menyentuh perasaan pendengar. Saya seboleh-bolehnya tidak mahu orang memberi tema kecuali lagu korporat, iklan atau kempen. Dengan tema, saya rasa lebih sempit sedangkan saya mahu menulis apa yang saya sukai.

## Antara lirik atau melodi, mana dahulu?

Ada beberapa keadaan saya buat lirik dahulu kemudian baru komposer buat lagu. Begitu juga sebaliknya. Kedua-duanya boleh.

## Datuk lebih terkenal penulis lirik berbanding kegiatan seni lain?

Betul sebab menulis lirik merupakan genre terakhir penulisan. Saya lebih suka orang kenal saya sebagai penulis skrip.

Mungkin kerana lagu luas ruangnya mencakup seluruh negara dan segenap usia masyarakat. Bercerita tentang manusia dalam lagu lebih cepat sampai ke sasarannya.

Ramai yang beri komen positif, mereka mengenali lirik saya berdasarkan penggunaan bahasa yang mudah difahami. Alhamdulillah. Sebab itu, saya kata pentingnya bahasa.

Orang ingat atau tidak, saya tidak kisah. Penghargaan bukan matlamat pada saya. Selepas lebih 40 tahun baru orang beri anugerah.

## Siapa beri aspirasi menulis lirik?

Orang itu pun tidak sedar Din Osman, kawan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan



komposer pertama Datuk Ooi Eow Jin. Tidak lupa juga Cikgu Hawa Muhammad aktivis teater di Singapura, insan pertama yang menggalakkan saya menulis skrip drama pentas.

### Sebelum terkenal sebagai penulis lirik, apakah yang Datuk lakukan?

Asalnya menulis drama pentas, itulah pengalaman saya. Kemudian drama radio, cerpen, sajak, televisyen dan filem. Akhir sekali, barulah menulis lirik.

Dalam tahun 1970-an, saya menulis lirik ketika berkhidmat di RTM. Saya menulis beratus-ratus drama radio. Apabila adanya televisyen, barulah saya menulis drama TV.

Drama pentas pertama ketika saya di sekolah lagi. Saya ada mentor yang dipanggil Kak Hawa. Saya anak polis. Setiap daerah polis perlu adakan persembahan sempena penubuhan Malaysia.

Kak Hawalah yang mendorong saya menulis drama pentas bertajuk "Damak" berdasarkan yang diceritakan kepada saya. Beliau memberi tunjuk ajar tentang dialog dan format penulisan drama pentas. Kak Hawa merupakan aktivis teater Kumpulan 4PM. Selain itu, bapa aktif dengan kegiatan kebudayaan.

Dahulu ada program 'Sekawan Satria' di radio. Saya lebih rapat dengan bapa dan selalu ikut beliau termasuk ke Radio Singapura.

Beliau juga membawa pancaragam polis marin bernama Seri Temasik Hiburan Pati. Masa itu, antara penyanyinya Allahyarham Rosiah Chik dan Allahyarham Rafah Buang. Ketika itu, skrip dibuang selepas habis drama dan saya ambil untuk belajar formatnya.

Selepas itu, berhijrah ke Malaysia. Saya minat menulis. Semasa tingkatan tiga, drama radio pertama disiarkan di Radio Singapura tajuknya 'Hati Si Cacat'.

Latar belakang cerita membabitkan konfrontasi kerana Indonesia tidak bersetuju dengan penubuhan Malaysia. Maka, ceritanya tentang askar yang cedera dalam mempertahankan negara.

Ketika itu, saya tiada pengalaman, tidak pernah masuk hutan. Itulah pentingnya membaca dan dengar radio. Apabila diterima, masa itu bayarannya RM45 dan saya lebih bersemangat untuk berkarya. Tetapi sebelum itu banyak karya ditolak.

Masa itu, kita beremosi mengapa karya ditolak sebab tidak diberi penjelasan. Saya hantar luahan ke akhbar dalam segmen 'Luahan Pembaca'.

Habis sekolah, saya balik ke Singapura walaupun ibu bapa di Melaka. Saya bekerja sebagai penulis skrip drama sambil di Radio Singapura sekitar 1968. Antara hasil karya ialah siri rancangan ISADRA iaitu kombinasi irama, sajak dan drama.

Saya seronok sebab aktiviti kebudayaan banyak di sana. Saya menjadi penulis sambil sehingga bapa paksa balik ke Malaysia.

Saya mula bekerja di Arkib Negara dan Jabatan Pengangkutan Jalan masing-masing selama setahun. Kemudian RTM yang memang menjadi jiwa saya. Bagai pucuk dicita ulam mendatang.

### Bagaimanakah pengalaman seterusnya?

Pada 1973, saya mula bekerja di RTM dan menjadi juruhebah sebelum berhenti pada

**“Sedihlah kerana itu perbendaharaan kita, harta kita, khazanah yang ditinggalkan orang tua kita. Di situ sebenarnya memperlihatkan kebijaksanaan orang-orang dahulu. Orang sekarang ramai yang pandai, ada ijazah tetapi sayang kurang bijak. Kebijaksanaan itu yang perlu kita cari. Ini semua keindahan yang perlu kita pertahan dan belajar supaya tidak hilang.**



1984. (Selain itu) pernah menjadi penerbit radio dan pindah ke Kuantan sebagai penerbit am. Kemudian balik ke KL sebagai penyunting skrip.

Saya sayang kerja saya di RTM. Saya jarang ambil cuti. Demam pun saya kerja sebab tidak terasa beban dan seronok. Tetapi disebabkan suasana kerja tidak menyenangkan hati saya bincang dengan suami dan dia menyerahkan sepenuhnya keputusan kepada saya.

Pada masa sama, saya terima tawaran dari dua sahabat Allahyarham Pak Harun Hassan, penerbit majalah Perempuan dan majalah popular lain serta Dato' Hishamudin Yaacob dari Karangkrak yang surat tawarannya masih saya simpan sehingga kini. Saya buat keputusan menerima tawaran dari Pak Harun kerana ruang tugasnya lebih sesuai dengan pengala-

man saya.

Bersama Allahyarham Pak Harun melalui syarikatnya Amir Communication, kami terbitkan filem *Ali Setan*. Saya terbabit sepenuhnya dalam penerbitan sebagai penyunting skrip, eksekutif produser, pengurus produksi dan penulis lirik. Saya sepenuh masa menyiapkan filem berkenaan sebelum meletak jawatan.

Kemudian saya buat syarikat produksi sendiri, namanya HasComm dengan dua rakan wartawan veteran tapi yang sempat hanya buat satu drama enam episod bertajuk *Rumah Kecil Tiang Seribu*.

Kemudian, saya tubuhkan produksi Serangkaian Filem bersama suami yang aktif sehingga kini.

Bersama sahabat baik saya Rahimah Rahim, kami tubuhkan Directors Team Sdn Bhd yang terbitkan *Hati Bukan Kristal*. Filem yang menang enam anugerah dalam Festival Filem Malaysia ke-9 turut memperkenalkan pelakon baharu Ridzuan Hashim, Julia Rais dan Zaiton Sameon selain pengarah baharu Allahyarham Raja Ahmad Alauddin sebagai pengarah.

Produksi kami antara yang terawal menghasilkan drama swasta sebab dahulu stesen TV hanya terima produk akhir. Alhamdulillah sepanjang beroperasi karya tidak ditolak.

Antara tajuk yang popular adalah *Kalau Panggang Dekat di Api* yang mempertemu Eman Manan dan Fauziah Dato' Ahmad Daud, *Harimau Miau Miau* pula memperkenalkan Ridzuan Hashim, Louisa Chong Abdullah dan masa itu (Dato') Khatijah Ibrahim berlakon.

### Bagaimana menulis dalam kesibukan membangunkan produksi?

Saya bukan penulis lirik sepenuh masa. Menulis adalah kesukaan saya. Saya teruja setiap kali dapat idea. Jadi, tidaklah mengganggu kerja harian saya.

Seingat saya, lirik pertama ialah lagu *Terkenang* nyanyian Allahyarham Zulkiflee Ahmad tetapi saya ada peminat tegar Allahyarham Karim Sulaiman, bekas pengarang Berita Harian, memberitahu lirik pertama saya ialah lagu nyanyian Salamiah Hassan. Saya lupa tajuknya. Beliau kumpul hampir 80 peratus lirik saya yang dijadikan beberapa jilid. Budi baik arwah sentiasa saya kenang.

Sekarang ada dalam 1,300 lirik saya yang dapat dikesan. Bukan sekadar penyanyi tetapi termasuk lirik korporat, iklan, kempen dan lagu universiti.

### Apakah pencapaian dalam bidang filem?

Pembabitan dalam filem *Ali Setan* banyak memberi pengalaman berharga pada saya. Dalam filem *Hati Bukan Kristal*, Erma Fatimah dapat anugerah Pelakon Wanita Terbaik, Ridzuan Hashim (Pelakon Lelaki Terbaik), Julia Rais (Pelakon Bintang Harapan), Allahyarham Raja Ahmad Alauddin (Pengarah Terbaik) dan saya (Skrip Terbaik).

Melalui Serangkaian Filem pula, kami terbitkan *Soalnya Hati*, *Soalnya Siapa* dan bekerjasama dengan Nizalman menerbitkan *Qaisy & Laila* yang turut dilakonkan Jehan Miskin dan Fazura.

Untuk penerbitan drama TV Singapura,

### BIODATA

**Nama:** Datuk Habsah Hassan

**Usia:** 72 Tahun

**Tarikh Lahir:** 28 Ogos 1949

**Asal:** Kota Tinggi, Johor

**Suami:** Mohamet Jusoh (18 November 1972)

**Anak:** Empat orang (10 cucu)

### KARIER

- Bertugas di Radio Televisyen Malaysia (1973-84)
- Menang Anugerah Juara Lagu menerusi lagu *Menaruh Harapan* nyanyian Zaiton Sameon (1987) dan *Cinta Beralih Arah* nyanyian Aisyah (1995)
- Menyumbang karya untuk Allahyarham Datuk Sudirman Arshad menerusi lagu *Terasing dan Merisik Khabar*
- Dikurnia darjah kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW) membawa gelaran Datuk oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 1 Februari 2021
- Antara lagu raya sentuhan Habsah Hassan
  - ◆ Selamat Hari Raya (Rahimah Rahim)
  - ◆ Sepasang Kurung Biru (Khairil Johari Johar)
  - ◆ Hari Raya Bahagia (Jay Jay)
  - ◆ Suasana Hari Raya (Anuar Zain dan Ellina)
  - ◆ Wajahmu Di Hari Raya (Azman Abu Hasaan)
  - ◆ Abang Pulang (Malek Ridzuan)
  - ◆ Hari Raya Menjadi Saksi (Datuk Jamal Abdillah dan Osama Yamani)
  - ◆ Ku Pulang Setiap Raya (Ayai)

saya tubuhkan Directors Team Singapura.

Saya cerewet tentang skrip dan pelakon. Serangkaian Filem banyak melahirkan pelakon baharu (Dato') Jalaludin Hassan, Nasir Bilal Khan, Julia Rais, Jehan Miskin dan ramai lagi.

Dahulu kita bekerja kerana cintakan kerja kita. Kita mahu berikan yang terbaik di samping mencari rezeki. Sekarang orang bekerja cinta soal kedua. Yang utama untung rugi.

### Nasihat untuk generasi muda menjadi penulis yang baik?

Semua orang ada bakat tersendiri sama ada sedar atau tidak. Pada saya, setiap bakat yang Tuhan beri istimewa. Kita jangan sia-siakan.

Kita kena fokus dan serius dalam semua perkara yang kita lakukan. Insyallah akan ada hasilnya. Mungkin bukan hari ini tetapi akan datang.

Saya selalu ingatkan diri, kalau dapat banyak anugerah ketika muda mungkin akan hanyut sebab kita muda dan tenggelam dalam pujian. Ada sebab Tuhan tidak bagi ketika itu.

Kita boleh lihat ramai orang yang berjaya dengan impiannya tetapi gagal dalam hidup. Kenapa? Kerana kita tidak boleh tangani keadaan ketika itu.



## Jalin kerjasama 18 agensi

**SHAH ALAM** - Yayasan Selangor menjalin kerjasama dengan 18 agensi awam, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menjayakan pelbagai program pendidikan selaras wawasan Negeri Pintar 2025.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Eddie Ahmad Khodzali berkata usahasama itu sebagai hala tuju baharu untuk meningkatkan potensi diri, bakat dan tahap pencapaian pelajar tajaan.

"Sebagai penggerak dalam program tersebut, kita membantu Kerajaan Selangor menyediakan modal insan berkwibawa dan sesuai untuk kemajuan serta kemakmuran negeri.

"Diharap jalinan ini terus dipupuk dengan cetusan idea baharu selain mengenal pasti bentuk kerjasama lain yang berpotensi sekali gus memberi manfaat terhadap pembangunan pendidikan negeri," katanya pada 28 April.

## Tawar pembiayaan komputer riba

**SHAH ALAM** - Yayasan Selangor menawarkan pembiayaan membeli komputer riba kepada pelajar tajaan bagi pengambilan sesi akan datang.

Pengarah Kanan Pendidikannya Zahura Zakry berkata penajaan melalui Pakej Pembiayaan Pendidikan ditawarkan kepada penuntut institusi pengajian tinggi.

"Kita datangkan pakej ini selepas mengenal pasti ada pelajar di Universiti Utara Malaysia (UUM) memerlukan peranti tersebut untuk mengikuti sesi pembelajaran dalam talian.

"Sebagai contoh, pelajar diploma memohon pinjaman RM20,000 dan harga seunit komputer riba adalah RM3,000, jadi keseluruhan pembiayaan berjumlah RM23,000," katanya pada 28 April.

Terdahulu, lapan pelajar tajaan yayasan itu yang melanjutkan pengajian di UUM menerima komputer riba melalui program Laptop4U bagi memudahkan mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

## Perkenal buku dasar tentu hala tuju

**SHAH ALAM** - Yayasan Selangor memperkenalkan buku dasar bertunjang falsafah pendidikan negara yang menjadi teras dalam menentukan hala tuju pendidikan.

Pengarah kanan pendidikannya berkata Buku Dasar Pendidikan memperinci semua dasar berkaitan bahagian hal ehwal pelajar, pembiayaan dan asrama pusat yayasan itu.

"Kita memang memiliki keupayaan untuk setiap tatacara operasi piawai (SOP), jadi buku ini menunjukkan kita sudah lama dalam bidang pendidikan.

"Malah, ia disusun mengikut buku dasar kebangsaan dengan segala proses kerja lebih teliti dan berintegriti," kata Zahura Zakry.

Zahura berkata buku lebih 200 halaman meliputi tiga bahagian juga akan ditambah baik pada masa depan dengan melibatkan sebarang dasar baharu, dasar sedia ada termasuk proses kerja.

## Lengkapi sesi pembelajaran di rumah

# Sedia teruskan Selangor Tutor



Amirudin (tengah) diiring Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor Eddie Ahmad Khodzali bersama pelajar tajaan yayasan berkenaan yang menerima komputer riba di Shah Alam pada 28 April. Foto FIKRI YUSOF

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri sedia meneruskan Selangor Tutor jika berlaku penutupan sekolah ekoran peningkatan semula kes Covid-19.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata program pembelajaran dalam talian itu mendapat sambutan menggalakkan apabila disertai lebih 100,000 pelajar ketika diperkenal April tahun lalu.

"Penyertaan Selangor Tutor sangat baik dan mungkin dapat mengatasi

pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

"Beberapa fasa boleh dikembangkan selain dilema yang memang ada dalam sistem pendidikan nasional ketika ini, jadi kita dapat tambah nilai program ini," katanya.

Bercakap pada majlis memeterai kerjasama program pendidikan sempena ulang tahun ke-50 Yayasan Selangor di sini pada 28 April, Amirudin berkata Kerajaan Negeri mahu menambah baik program percuma itu.

Beliau berkata ia termasuk cadangan menggabungkan pendidikan dalam

talian dan bersemuka pada masa depan.

Inisiatif tersebut hasil kerjasama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan Yayasan Selangor selaku agensi penyelaras program. Ia juga antara intipati pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin.

Laman sesawang program menyediakan lebih 130,000 soalan latihan tubi mengikut piawaian kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pada 26 April, KPM mengumumkan sesi pembelajaran selepas cuti Aidilfitri diteruskan dengan PdPR selama dua minggu bagi menggantikan sesi bersemuka di sekolah.

## Pendidikan robotik pelaburan berbaloi

**SHAH ALAM** - Pendidikan dalam bidang pengkodan dan robotik mampu memberi pelaburan modal insan berbaloi untuk manfaat jangka panjang.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pendedahan berkaitan kecerdasan buatan dan data raya kepada pelajar berupaya melahirkan saintis serta teknokrat untuk kemajuan masa depan.

"Sesuai dengan dasar pendigitalan dan usaha Kerajaan Selangor melengkapkan prasarana digital serta capaian internet, saya yakin pendidikan dalam bidang ini akan memberi manfaat untuk negeri.

"Yayasan Selangor akan bekerjasama melaksana program pendidikan dan mudah-mudahan segala dirancang membuah hasil bagi memberdaya insan seterusnya menjayakan wawasan Negeri Pintar," katanya.

Berucap pada majlis memeterai kerjasama program pendidikan sempena ulang tahun ke-50 Yayasan Selangor di sini pada 28 April, Amirudin mengulangi harapan supaya yayasan itu sentiasa berinovasi dalam bidang pendidikan.

"Sejak 50 tahun dulu, kita biasa dengan peranannya sebagai salah satu agensi Kerajaan Negeri yang menjadi wadah rakyat mendapatkan bantuan

seperti biasiswa, pinjaman pelajaran serta kemasukan ke asrama.

"Justeru, kita menghargai peranan selama ini malah mengakui ramai ahli profesional, korporat dan cerdik pandai dalam kalangan alumninya berjaya dilahirkan," katanya.

Amirudin berkata Kerajaan Negeri turut mengalu-alukan kerjasama agensi awam, swasta dan badan bukan kerajaan untuk memajukan modal insan melalui pendidikan di negeri ini.

Beliau berkata sinergi pihak berkaitan menerusi perkongsian idea pintar mampu memaksimumkan kualiti pendidikan di negeri ini.



ADA MATA PANDANGLAH KEINDAHAN,  
ADA MULUT BERBUDILAH PERTUTURAN,  
ADA HATI BERILAH KESAYANGAN,  
ADA SALAH SILAP SILALAH MAAFKAN,

Selamat Hari Raya Aidilfitri.

2021 / 1442H

IKHLAS DARIPADA:



PERBADANAN KEMAJUAN  
PERTANIAN SELANGOR



Perbadanan Kemajuan  
Pertanian Selangor



myPKPS



[www.pkps.gov.my](http://www.pkps.gov.my)



# Asnaf beraya rumah baharu

Oleh **NAZLI IBRAHIM**  
Foto **HAFIZ OTHMAN**

**K**etika umat Islam girang merai pagi sambutan Aidilfitri, keluarga Rohaya Atan, 41, dan suami A'adila Abd Aziz, 48, sibuk menadah baldi.

Rumah mereka di Kampung Baru Pasir Penambang, Kuala Selangor kerap dimasuki air hujan dek atap zink telah berkarat. Bocor sana sini.

Dibina abang Rohaya kira-kira 30 tahun lalu, mereka membeli pada harga RM900, itupun secara ansuran selama 10 bulan. Kini, rumah itu hanya menunggu masa menyembah bumi.

Tapi itu dulu. Kali ini, mereka berhari raya di rumah baharu sumbangan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Rumah tiga bilik berkeluasan 800 kaki persegi lengkap kemudahan elektrik dan air.

## Air paras betis

Setiap kali air pasang, dapur dan bilik air digenangi air separas betis sehari-hari lamanya. Kadang-kala sampai berminggu-minggu.

Kedudukan rumah di antara pinggir sungai dan tambakan jalan berturap menyebabkan air tertampung. Lambat mengalir.

Bahkan, dinding dan lantai papan rumah kayu pula kian rapuh dimakan anai-anai. Salah melangkah, kaki lobos ke bawah.

Setiap kali hujan, anak-anak yang mahu ke sekolah juga terpaksa memijak batu besar untuk menyeberang ke jalan.

Lebih-lebih lagi Zaifitri A'adila, anak bongsu berusia sembilan tahun yang merupakan orang kelainan upaya (OKU) fizikal sejak lahir.

Rumah itulah didiami bersama lima anak berusia antara sembilan hingga 23 tahun. Di situlah mereka menyambut Aidilfitri sekian lama, hanya ala kadar.

Bukan tidak teringin tetapi jangankan rumah baharu, belanja harian pun selalu sangkut. Mujur ada bantuan bulanan LZS untuk menampung perbelanjaan keluarga.

Berapalah sangat pendapatan nelayan pantai. Setiap kali turun ke laut dapatlah sekitar RM35. Itupun kalau cuaca baik. Kalau cuaca buruk atau musim tengkujuh, sehari-hari tidak ke laut. Mereka makan apa yang ada. Selalunya sayur yang dikutip sekitar kampung, ikan masin dan ikan pekasam yang dibuat sendiri.

Justeru, mereka gembira tidak terkata apabila ditawarkan rumah baharu sumbangan LZS. Syukurnya tidak terkira. Mereka berterima kasih kepada LZS dan wakil rakyat Permatang Rozana Zainal Abidin yang banyak membantu.

"Macam bermimpi. Dahulu, tidak pernah terfikir dapat memiliki rumah sendiri



kerana saya tidak mampu.

"Anak-anak tidak sabar mahu raya walaupun persiapan ala kadar sahaja," kata Rohaya kepada Selangorkini.

Pada Oktober tahun lalu, mereka dengan penuh ceria berpindah ke rumah bernilai antara RM86,000 hingga RM90,000.

## Tidak terlintas

Seperti jiran mereka, rumah Rahmat Idris, 59, juga usang dan sering dinaiki air. Bersama isteri dan enam anak berusia 30 hingga 15 tahun, mereka mendiami rumah itu 12 tahun lamanya.

Dengan menjual besi, tin aluminium, barangan plastik di pusat kitar semula selain menjual daun nipah kepada peniaga otak-otak, impian memiliki rumah sempurna telah lama luput dari hasrat.

Tidak pernah terlintas LZS memberi rumah buat mereka. Basikal, kenderaan



untuknya untuk mencari bahan terbuang pun hasil bantuan agensi itu.

"Tidak sangka boleh dapat rumah sendiri. Kalau ikut kemampuan, tidak tahulah bila boleh ada rumah sendiri. Berapa sangatlah pendapatan jual besi buruk," katanya.

Selain mereka, seramai 11 lagi keluarga asnaf fakir dan miskin di Kampung Baru Pasir Penambang di sini menerima rumah sedemikian.

Lebih mengujakan mereka, Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari sendiri menyampaikan simbolik kunci rumah kepada mereka pada 24 April.



# Selamat Hari Raya Aidilfitri 1442H

**S**empena bulan mulia ini, wakil rakyat di negeri ini menghulur salam kemaafan dan mendoakan penduduk Selangor ceria menyambut Aidilfitri di sebalik perebakan wabak Covid-19.

Mereka turut mengingatkan rakyat supaya patuh tatacara operasi piawai dan mengamal norma baharu sepanjang merai perayaan ini.



**ROZANA ZAINAL ABIDIN**  
Permatang

Raikanlah Syawal dengan penuh keinsafan dan kemenangan melawan hawa nafsu sepanjang Ramadan. Kita masih berdepan dengan Pandemik Covid-19, justeru dalam kegembiraan menyambut perayaan, kita hendaklah sentiasa mematuhi SOP



**HALIMEY ABU BAKAR**  
Seri Setia

Semoga Allah sentiasa merahmati kita sepanjang masa seusia hidup ini dan dijauhi dari segala mara bahaya serta penyakit berjangkit. Selamat Hari Raya Aidilfitri mohon maaf zahir batin



**JUWAIRIYA ZULKIFLI**  
Bukit Melawati

Raikan dengan penuh kesyukuran dan keinsafan serta berkongsi kegembiraan dan rezeki dengan mereka yang kurang bemasib baik. Moga puasa serta amal ibadah kita di bulan Ramadan diterima Allah SWT



**HARUMAINI OMAR**  
Batang Kali

Semoga di sebalik pelbagai ujian dan norma baharu kita akan lebih teguh memperkukuh ikatan persaudaraan dan meraikan Aidilfitri dengan keinsafan



**SAARI SUNGIB**  
Hulu Kelang

Selamat hari raya kepada seluruh warga Selangor. Diharapkan Aidilfitri ini kita saling berkerjasama, berkasih sayang dan saling hormat menghormati antara satu sama lain



**EAN YONG HIAN WAH**  
Seri Kembangan

Selamat Hari Raya Aidilfitri buat semua muslim di Selangor. Semoga semua menikmati Hari Raya yang selamat bersama keluarga. Bagi yang tidak boleh balik raya tidak mengapa kerana anda semua ingin memastikan keluarga di kampung selamat



**LEE KEE HIONG**  
Kuala Kubu Bharu

Sebagai langkah memutuskan rantaian Covid-19, sambutan hari raya tahun ini akan secara sederhana dan bersama keluarga di rumah sahaja. Selamat Hari Raya Aidilfitri



**EDRY FAIZAL EDDY YUSOF**  
Dusun Tua

Daun kering jatuh berguguran,  
Menguncup sipu daun semalu,  
Meski terpisah dek peraturan,  
Tetap di hati dekat selalu



**CHUA WEI KIAT**  
Rawang

Hari Raya merupakan salah satu hari yang paling mengembirakan dalam kalendar Islam dan diterjemahkan melalui kasih sayang, kesyukuran dan kerendahan hati. Biarpun dengan norma baharu semoga sambutan tahun ini akan mengukuhkan semangat kebersamaan untuk kekal berhubung dengan insan-insan tersayang. Salam lebaran



**MAZWAN JOHAR**  
Sungai Ramal

Dalam kegembiraan menyambut Hari Raya ini, SOP patut dipatuhi dan utamakan faktor kesihatan serta keselamatan agar kita dapat membendung pandemik. Semoga suasana lebih cerah dan ceria menanti kita di hadapan. Selamat Hari Raya Aidilfitri



**MOHD SANY HAMZAN**  
Taman Templer

Sambutlah Aidilfitri kali ini dengan penuh keinsafan dan kegembiraan. Jangan leka di saat sedang bergembira serta sentiasa patuhi garis panduan ditetapkan. Bantulah mereka yang memerlukan dan elakkan pembaziran di musim perayaan. Selamat Hari Raya maaf zahir batin



**WONG SIEW KI**  
Balakong

Telefon bimbit menjadi keperluan,  
Mesyuarat atas talian norma baharu,  
Meski raya kali ini masih berjauhan,  
Hati tetap bersatu bersulam rindu.

Selamat Hari Raya Aidilfitri



**LAI WAI CHONG**  
Teratai

Pematuhan SOP dan norma baharu perlu menjadi keutamaan dalam kehidupan seharian kita terutamanya dalam menyambut Aidilfitri. Dengan rasa rendah diri, Salam Aidilfitri maaf zahir dan batin



**MICHELLE NG MEI SZE**  
Subang Jaya

Satu pelajaran bagi semua warga Malaysia akibat Covid-19 adalah kesederhanaan. Walaupun Syawal belum dapat dirai seperti dahulu, namun saya yakin bahawa kita semua masih dapat cari makna daripadanya. Selamat Hari Raya Aidilfitri. Maaf zahir batin



# Perutusan Aidilfitri

## Inisiatif tangani resah rakyat

**S**alamat hari raya Aidilfitri saya ucapkan kepada seluruh umat Islam, khususnya di Negeri Selangor Darul Ehsan.

Jika perayaan Aidilfitri tahun lepas diikuti dengan ungkapan 'norma baharu' bagi memberi gambaran cara sambutan yang tidak pernah kita lalui, Hari Raya Aidilfitri kali ini membawa perasaan 'deja vu', bagaimana kita mengulangi perkara sama seperti tahun yang lalu.

Walaupun kita dapat mengamati Ramadan yang lepas dengan sedikit berbeza dengan tahun lalu, iaitu mengunjungi bazar Ramadan untuk persediaan membuka puasa, namun kita juga melihat setiap tindakan kita mempunyai dampak ke atas masyarakat.

Dalam semangat Kita Jaga Kita, kita telah membuktikan tahun lalu bahawa umat Islam dapat merayakan Aidilfitri dengan sederhana, tanpa mengunjungi bazar Ramadan, mengamalkan tradisi balik kampung atau berkumpul di rumah saudara-mara serta rakan.

Walaupun amat mencabar, kita berjaya menampilkan kebertanggungjawaban demi memastikan kesihatan diri dan keluarga tersayang dijaga, sekali gus mengurangkan penularan wabak Covid-19.

Pada waktu itu, kita berjaya mendapat kebahagiaan dan menikmati detik-detik perayaan dengan keluarga tersayang di

rumah sendiri. Kita juga berjaya adaptasi kepada norma baharu dan menghubungi keluarga di kampung halaman melalui panggilan video WhatsApp ataupun Zoom.

Pada masa sama, saya melihat hari raya Aidilfitri yang lalu disambut dengan tidak bermegah-megah berbelanja memperagakan kain pelikat, jubah terkini ataupun telekung elit yang pasti mahal, sehingga membawa kepada sifat riak berlebihan sekali gus menyebabkan pembaziran.

Paling tidak, kita mempunyai kesempatan menyantuni jiran tetangga yang dekat dengan berkongsi makanan dengan mereka atas kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ada.

### Jangan alpa

Kali ini pula, saya melihat kelompok besar masyarakat kembali kepada kebiasaan lama yang berasaskan ciri-ciri yang saya katakan tadi: perbuatan banding-membanding di antara kita, seakan-akan mengejar gemerlap perhiasaan dan kebendaan, sekali gus hampir meninggalkan semangat kekeluargaan dan kejiranan yang dikukuhkan pada Aidilfitri yang lepas.

Saya tertanya mengapa ini berlaku. Adakah ianya disebabkan keresahan Covid-19 yang menyebabkan 'ticking time bomb' dalam kehidupan kita? Atau tindakan masyarakat adalah sebagai balasan kepada tindak-tanduk pemimpin dan orang kenamaan yang kelihatan tidak tertakluk kepada tatacara operasi piawai (SOP), sedangkan rakyat biasa disaman sehingga berpuluh ribu ringgit?

Ditambah pula dengan ketidakpastian hala tuju negara dari segi politik mahupun ekonomi, situasi ini bagaikan 'the perfect storm' yang menyebabkan rakyat bertambah resah, marah dan hilang keyakinan kepada pembuat dasar dan undang-undang yang dilihat tidak adil serta saksama.

Itulah bahayanya pemerintahan yang kurang stabil dan gagal membina kepercayaan rakyat sehingga tanda pagar seperti #KerajaanGagal tular di media sosial.

Perkara-perkara sebegini tidak harus diabaikan oleh mana-mana pemimpin, sama ada di peringkat negara mahupun akar umbi. Ini adalah buah keresahan yang sudah terpacak sejak lebih setahun lalu dan masih belum kelihatan jalan kesudahannya.

Itu yang mendorong Kerajaan Negeri untuk sentiasa memfokuskan segala usahakan menangani dampak kesihatan dan ekonomi yang disebabkan pandemik Covid-19.

Sejak PKP mula diisytiharkan oleh Perdana Menteri pada Mac 2020, Kerajaan

Negeri yang dipimpin Pakatan Harapan serta disokong seluruh penjawat awam menggunakan teknologi dan kaedah-kaedah inovatif supaya wabak ini dapat ditangani.

Pertama, Selangor Task Force Covid-19 yang diterajui mantan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad serta pakar-pakar lain termasuk Profesor Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman yang kini menjadi ahli Majlis Sains, Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Aplikasi pengesanan kontak pertama di negara, Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) menjadi pilihan pengguna dan membuka pintu kepada aplikasi-aplikasi lain yang menyusul.

Tambahan pula, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Diubahsuai juga, Kerajaan Negeri juga melaksanakan saringan bersasar yang menangani aspek ekonomi dan sosial.

Apabila kluster penularan wabak Covid-19 dikesan di tempat kerja seperti kilang dan pejabat, Sistem Pencegahan Penularan di Kawasan Titik Panas (POIS) diperkenalkan untuk mengesan dan mencegah penularan wabak ini.

### Saringan bersasar

Kemudian, saringan komuniti secara bersasar telah dilakukan meliputi 33 lokaliti dalam enam daerah, termasuk 42 rumah penjagaan warga emas. Sehingga kini, lebih 19,349 individu telah disaring dan fasa baharu saringan ini telah bermula pada 8hb Mei sehingga 10hb Jun di setiap 56 kawasan Dewan Undangan Negeri di seluruh Selangor.

Inisiatif-inisiatif ini ditampilkan atas dasar kebertanggungjawaban terhadap kesihatan awam, terutamanya golongan berisiko tinggi, serta kestabilan ekonomi dan politik supaya kita dapat mencapai situasi menang-menang dan menguatkan kontrak sosial dengan rakyat dalam pilihan raya umum ke-14.

Antara fulkrum dasar-dasar ini adalah nilai fitrah kemanusiaan demi membina masyarakat yang cekal untuk menghadapi pelbagai cabaran. Kerana kita tahu bahawa kemenangan ke atas Covid-19 bukanlah larian pecutan 100 meter tetapi marathon yang akan menguji kemampuan dan ketabahan setiap daripada kita.

Namun, saya melihat virus ini juga sebagai wadah terbaik untuk kita mengenal semula erti sebenar kehidupan, nilai-nilai yang diterapkan oleh ibu bapa kita sejak usia muda lagi.

Dengan fitrah kemanusiaan itu dan semangat #KitaSelangor, kita mesti menang dengan Perang Covid-19.

Selamat Hari Raya. Selamat kembali kepada Fitrah. Minal Aidil Wal Faizin. Maaf zahir dan batin.



Syukur kerana kita masih dapat merayakan Aidilfitri, dikesempatan ini saya ingin memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat kesalahan, keterlanjuran kata, tergunis hati serta perasaan semua. Jangan simpan dalam hati

**Ng Suee Lim**  
Speaker Dewan Negeri Selangor



Saya dan seluruh warga Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor mengucapkan Selamat Hari Raya kepa seluruh umat Islam di Selangor.

Dalam kegembiraan kita menyambut hari lebaran, amat penting untuk terus komited mematuhi SOP. Semoga Aidilfitri tahun ini lebih diberkati

**Dato' Salim Soib @ Hamid**  
Penasihat Undang-undang Negeri



Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri. Walaupun suasana sambutan ketika kita berperang dengan Covid-19, namun saya harap anda semua gembira dengan perayaan ini. Jangan lupa terus patuh dengan SOP

**Dato' Teng Chang Khim**  
EXCO Pelaburan Perdagangan dan Perindustrian, Industri Kecil Sederhana



Ambillah kesempatan Aidilfitri untuk kunjung mengunjungi sebagai tanda hormat dan saling bermaafan. Saya yakin, amalan ini akan dapat menjadi satu pelaburan yang memberikan dampak besar sekali gus menyumbang kepada keharmonian Kerajaan Negeri dan Malaysia. Salam Aidilfitri

**Ganabatirau Veraman**  
EXCO Pembangunan Sosio-Ekonomi, Kebajikan Masyarakat, Pemberdayaan Pekerja



Sudah masuk tahun kedua kita dilanda Covid-19. Kini, kita menghadapi norma baharu dan perlu mengubah cara hidup serta cara menyambut perayaan utama termasuk Hari Raya Aidilfitri. Namun, Syawal ini pasti akan kekal meriah dengan kiriman pelbagai ucapan hari raya. Kepada rakan-rakan, Selamat Hari Raya Aidilfitri

**Ng Sze Han**  
EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru



Ambillah kesempatan Aidilfitri untuk kita saling bermaaf-maafan dan mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin. Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh rakyat Malaysia

**Hee Loy Sian**  
EXCO Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Hal Ehwal Orang Asli



Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam di Selangor dan seluruh negara. Saya juga sebagai hamba yang tak lekang dari salah serta silap, ingin memohon ribuan kemaafan kepada rakan-rakan dan sahabat-sahabat sekalian

**Borhan Aman Shah**  
EXCO Pembangunan Luar Bandar dan Kampung Tradisi, Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan dan Warisan



Kerajaan giat melaksanakan pelbagai inisiatif supaya ekonomi terus berkembang dan ditingkatkan di saat mengharungi pandemik Covid-19.

Dalam menempuh Aidilfitri ini, raikanlah dengan meriah bersama anggota keluarga dengan mematuhi SOP ditetapkan. Salam Aidilfitri, maaf zahir dan batin

**Dato' Nor Azmie Diron**  
Setiausaha Kerajaan Negeri



Semoga di sebalik ujian ini kita akan lebih teguh memperkuatkan ikatan persaudaraan dan meraiikannya dengan penuh keinsafan.

Sambutlah hari lebaran ini dengan berhemah, elakkan pembaziran dan amalkan berjimat cermat. Salam Aidilfitri

**Dato' Haris Kasim**  
Pegawai Kewangan Negeri



Marilah kita menyambut lebaran dengan penuh keinsafan. Raikan Aidilfitri dengan kebiasaan baharu dan mematuhi SOP. Perjuangan kita belum berakhir, ayuh bersama memutuskan rantai Covid-19. Kita mampu lakukan

**Rodziah Ismail**  
EXCO Perumahan dan Kesejahteraan Bandar, Pembangunan Usahawan



Selamat Hari Raya, semoga Syawal memberi kita kekuatan selepas sebulan berpuasa. Raikanlah dengan penuh kegembiraan dan kesederhanaan semoga membawa 1001 rahmat kepada kita semua

**Ir Izham Hashim**  
EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani



Marilah kita memaknai sambutan Syawal yang direzekikan pada tahun ini dengan penuh kesederhanaan dan rasa syukur. Jarak mungkin memisahkan kita, namun kiriman doa akan terus menyatukan hati-hati yang saling mengasihi. Salam Aidilfitri

**Dr Siti Mariah Mahmud**  
EXCO Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga



Selamat Hari Raya, maaf zahir dan batin buat semua rakyat. Semoga ukuwah serta keharmonian kita kekal berterusan di dalam negeri kita, terus hormat menghormati dan saling bermaafan di antara kita

**Mohd Khairuddin Othman**  
EXCO Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan Generasi Muda dan Sukan



Raikan kemeriahan Aidilfitri dalam ikatan hati yang sentiasa ingat mengingati, panggilan telefon tanda silatur rahim yang utuh dan berdoa agar kehidupan yang damai, sejahtera serta harmoni di negara ini berkekalan

**Mohd Zawawi Ahmad Mughni**  
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal







**SYAMSUL FIRDAUS SUPRI**  
Taman Medan

Ramadhan berlalu Aidilfitri menjelma. Kemenangan merentasi ujian ketaatan kepada Maha Pencipta dalam melaksanakan perintah Allah. Kita terus berdoa agar Covid-19 segera berakhir



**NAJWAN HALIMI**  
Kota Anggerik

Menjelang kehadiran Syawal, saya menzahirkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam. Semoga Allah menerima segala amalan ibadah kita di dalam bulan Ramadan. Pastikan kita mematuhi SOP bagi mencegah penularan Covid-19



**LIM YI WEI**  
Kampung Tunku

Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat Selangor. Semoga Hari Raya membawa perkara yang baik-baik untuk kita semua



**JAMALIAH JAMALUDDIN**  
Bandar Utama

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya dan memohon maaf zahir batin serta menasihati semua supaya meraikan Aidilfitri sambil menjaga SOP. #KitaMasihJagaKita



**RAJIV RISHYAKARAN**  
Bukit Gasing

Harap semua menyambut Hari Raya kali ini dengan selamat kerana pandemik Covid-19 masih berada dalam kalangan kita. Selamat Hari Raya Aidilfitri buat semua yang beragama Islam



**ELIZABETH WONG KEAT PING**  
Bukit Lanjan

Sesungguhnya masa ini mengajar kita nilai kehidupan yang sebenar dan kepentingan nilai kekeluargaan. Dalam keriangin menyambut kehadiran Syawal yang mulia ini, jangan lupakan mereka yang hidup serba kekurangan.

Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam. Maaf zahir batin



**SHATIRI MANSOR**  
Kota Damansara

Salam Aidilfitri buat seluruh warga Kota Damansara, Subang Bestari, Kampung Melayu Subang, Subang Perdana, Permai dan sekitar. Semoga sentiasa sihat dan tetap bersama kami. Maaf zahir batin



**FAKHRULRAZI MOKHTAR**  
Meru

Salam Aidilfitri. Semoga tarbiah Ramadan selama sebulan menjadikan kita insan yg lebih bertaqwa. Salam Aidilfitri dan maaf zahir batin



**AZMIZAM ZAMAN HURI**  
Pelabuhan Klang

Berakhir sudah ibadah puasa,  
Kini Syawal berkunjung tiba,  
Bulan mulia membawa bahagia,  
Mengikat kasih sesama saudara,  
Ampun dan maaf ikhlas dipinta,  
Semoga diberkati semua usaha,  
Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin



**LEONG TUCK CHEE**  
Pandamaran

Selamat Hari Raya Aidilfitri, semoga semua meraikan lebaran ini dengan mematuhi SOP. Bersama mencegah Covid-19, sayangilah keluarga anda



**DR GUNARAJ GEORGE**  
Sentosa

Semoga ibadah sepanjang Ramadan ini diberkati Tuhan. Kami mendoakan dan mengharap agar semua dikurniakan kesejahteraan supaya dapat menyambut perayaan ini dengan penuh kegembiraan serta bahagia bersama yang tersayang. Ampun maaf jika ada salah silap. Selamat Hari Raya Aidilfitri



**LAU WENG SAN**  
Banting

Syukur kita menyambut Ramadan dan Syawal dalam keadaan yang sederhana yang jauh lebih baik berbanding tahun lepas. Biar pun begitu, kita tidak boleh leka dan perlu sentiasa mematuhi peraturan serta SOP



**HASNUL BAHARUDDIN**  
Morib

Tahun ini sekali lagi kita terpaksa meraikan raya di tengah pandemik Covid-19. Terus patuhi SOP serta arahan melarang merentas negeri. Selamat Hari Raya, maaf zahir batin



**RONNIE LIU**  
Sungai Pelek

Hidup di dunia dihias cabaran,  
Menguji hati mengingatkan peranan,  
Selamat menyambut hari lebaran,  
Patuhi SOP yang telah diarahkan.

Salam Aidilfitri maaf zahir batin



Landasan wanita jana pendapatan

# Ekspo kraf wanita dilanjut setahun



Wakil Pusat Wanita Berdaya (PWB) pelbagai daerah mempamerkan produk di Ekspo HaSSel di Shah Alam pada 26 April.  
Foto ASRI SAPPFIE

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Ekspo Hasil Suri Selangor (HaSSel) secara maya diteruskan hingga April tahun depan bagi memudahkan orang ramai membeli-belah.

EXCO Pemberdayaan Wanita Dr Siti Mariah Mahmud berkata lanjutan itu berikutan penganjuran ekspo selama lima hari mulai 24 April menerima sambutan menggalakkan.

"HaSSel mencatat keuntungan lebih RM5,000. Jumlah itu merupakan pencapaian cemerlang.

"Ekspo itu mampu menjadi platform golongan wanita menjana pendapatan," katanya ketika majlis penutupan ekspo itu pada 28 April.

Dr Siti Mariah menjelaskan produk makanan terutama biskut raya antara pilihan ramai sepanjang ekspo tersebut.

Beliau turut mengajak orang ramai mendaftar di [www.expohassel.com](http://www.expohassel.com) untuk merasai pengalaman dan suasana baharu membeli-belah.

HaSSel adalah landasan bagi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) wanita memperkenalkan produk bagi tujuan komersial.

Penganjuran julung kali ini menawarkan 830 produk dengan sejumlah RM400,000 diperuntuk bagi menjayakannya.



## Rezeki Raya

19 April - 31 Mei 2021

### Cabutan Bertuah Raya Bersama SELDEC

Salam Aidilfitri | Tulus Ikhlas



Menangi pelbagai hadiah menarik

\*Tertakluk kepada terma & syarat



[www.seldec.com.my](http://www.seldec.com.my)



@seldec.my



@seldec.my



Download on the App Store



GET IT ON Google Play



## Garis panduan PKP

**KERAJAAN** Selangor menambah baik tatacara operasi piawai (SOP) Majlis Keselamatan Negara berikutan pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengukuh usaha membendung penularan Covid-19.

Sebagai negeri yang kadar jangkitan tinggi, garis panduan lebih ketat dijangka mampu mengekang perebakan wabak. Berikut ringkasan penambahbaikan SOP. Untuk garis panduan penuh, layari [www.amirudinshari.com](http://www.amirudinshari.com)

### Operasi bazar dan restoran

- Operasi bazar Ramadan enam daerah PKP dilarang mulai 8 Mei
- Makan di restoran dan hotel termasuk bufet Ramadan tidak dibenar
- Bazar Aidilfitri dan pasar malam boleh dibuka hingga 10 malam dengan syarat:
  - Bilangan pengunjung dihad pada satu-satu masa
  - Kuat kuasa sistem nombor giliran
  - Kanak-kanak bawah 12 tahun dilarang hadir
- Penganjur lantik pegawai pemantau pematuhan SOP
- Kompaun dan arahan tutup serta-merta jika ingkar SOP
- Operasi restoran, kedai atau gerai makan, kendera saji, penjaja, medan selera dan kiosk antara 6 pagi hingga 12 tengah malam
- Kedai runcit, serbaneka dan farmasi antara 6 pagi hingga 12 tengah malam
- Hospital, klinik dan makmal perubatan boleh beroperasi 24 jam
- Kedai keperluan harian antara 6 pagi hingga 10 malam
- Stesen minyak antara jam 6 pagi hingga 12 tengah malam
- Stesen minyak di lebuh raya boleh dibuka 24 jam
- Pasar harian, pasar tani, pasar awam dan pasar minggu (pasar pagi terhad kepada barangan keperluan harian) antara 6 pagi hingga 2 petang
- Pasar borong antara 12 tengah malam hingga 6 pagi dan 11 pagi hingga 4 petang
- Klinik dan kedai makanan haiwan dibuka 6 pagi hingga 10 malam
- Kedai dobi, kedai cermin mata, pusat cuci kereta, kedai gunting rambut, salun (gunting rambut sahaja) antara 6 pagi hingga 10 malam
- Dobi layan diri perlu pastikan pekerja ada di premis



### Keagamaan

- Solat Jumaat, berjemaah dan tarawih di masjid serta surau dibenar mengikut had bilangan jemaah berbeza
- Majlis ilmu dan pengkebumian dibenar
- Upacara akad nikah Islam hanya di pejabat agama dan masjid
- Pendaftaran perkahwinan bukan Islam dibenar di Jabatan Pendaftaran Negara, rumah ibadat dan persatuan agama
- Kuliah dan tazkirah Jumaat dibenar tetapi dilarang memanggil penceramah luar daerah
- Qiamullail, tadarus, jamuan, solat jenazah dibenar dengan kehadiran terhad
- Kutipan zakat fitrah oleh amil dibenar
- Mesyuarat jawatankuasa kariah dibenar
- Operasi kiosk di kawasan masjid dan surau dilarang
- Ketetapan solat sunat Aidilfitri belum diputuskan




### Pusat jagaan kanak-kanak

- Dibuka dengan kebenaran kementerian/agensi berkaitan
- Ibu bapa atau penjaga dibenar hantar anak menggunakan kenderaan dengan jumlah penumpang mengikut kapasiti kenderaan
- Pusat jagaan harian orang kelainan upaya, warga emas, wanita dan pusat jagaan pelbagai boleh dibuka



### Kegiatan sosial

- Tiada majlis rasmi dan tidak rasmi kerajaan mahupun swasta
- Kenduri, doa selamat, tahlil dan sambutan hari lahir dilarang
- Seminar, bengkel, kursus, latihan, persidangan, ceramah, pameran, mesyuarat, konvensyen dan pameran tidak dibenar



### Pendidikan

- Sekolah/institusi pendidikan ditutup mulai 6 Mei
- Penghantaran pulang pelajar asrama dibuat berperingkat
- Sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) selepas cuti Aidilfitri
- Pergerakan tenaga pengajar untuk pengajaran dibenar
- Pelajar kolej matrikulasi boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid
- Peperiksaan antarabangsa, badan profesional dan penyelidikan menggunakan makmal dibenar
- Kemasukan pelajar asrama bagi kelas peperiksaan dibenar



### Sukan dan riadah

- Aktiviti tiada bersentuhan fizikal dibenar dengan penjarakan 1.5 meter
- Operasi kemudahan premis sukan dan rekreasi termasuk kolam renang dibenar







*Selamat Hari Raya Aidilfitri*



Ikhlas daripada  
Pengurusan dan Warga Kerja



**PERMODALAN  
NEGERI SELANGOR BERHAD**  
199001014678 (206347-V)

Dan Anak-anak Syarikat



**T**IAP kali Syawal menjelma, rumah pusaka tinggalan ibu bapa yang didiami Mardiana Abdullah, 37, riuh rendah dengan kehadiran sanak keluarga.

Dengan bilangan 11 beradik, ditambah anak saudara yang berbelas-belas, pelbagai ragam dan keletah berlaku sepanjang mereka berkumpul.

Memang menjadi tradisi untuk sembilan adik beradiknya yang tinggal di luar Pahang pulang merai Aidilfitri setiap tahun di rumah pusaka itu.

Ia menjadi rutin tidak boleh tidak sejak ibu bapa mereka, Abdullah Ibrahim dan Salmah Ismail, meninggal dunia pada 2008 serta 2011. Menjadi kelaziman adik beradik di Perak, Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan pulang ke rumah pusaka itu.

Menjelang Aidilfitri, semua adik-beradik termasuk ipar duai berhimpun. Mereka bergotong-royong. Ada yang mengemas, ada yang memasak. Riuh rendah suara memenuhi rumah.

Menu wajib setiap tahun adalah rendang ayam atau rendang daging dan kuah kacang untuk digandingkan bersama ketupat, nasi impit serta lempang. Belum ditambah menu sampingan seperti laksa dan bahun sup yang memenuhi meja buat menjamu tetamu.

Paling sibuk selepas berbuka puasa pada malam 1 Syawal kerana itulah saat akhir untuk mereka membuat persiapan akhir sebelum menyambut tetamu keesokannya.

Yang tua sibuk di dapur manakala anak kecil berlari bermain bunga api. Halaman rumah turut dihias indah. Pelita disusun mengerdip suasana malam.

### Santak ke pagi

Mereka melakukan kerja sambil bergebang, berkongsi cerita itu ini santak ke pagi. Habis kisah masa kecil dikenang, dari cerita manis atau pahit sekalipun. Sesekali ketawa berderai.

Yang pasti, abang keduanya Hairy paling terakhir melelapkan mata. Beliau bertanggungjawab menjaga ketupat dan nasi impit. Adakalanya sampai jam 5 pagi.

Ruang tamu tempat mereka berehat. Tidur bersepeh di setiap sudut. Bergelimpangan antara satu sama lain. Ada berbantal, ada hanya berselimut di lantai. Kedudukan juga tidak tersusun. Namun, itu bukan masalah sebaliknya kebahagiaan begitu terasa.

"Walaupun berselerak dan kelihatan tidak selesa, namun itu antara momen indah yang sukar dilupakan," kata Mardiana kepada Selangorkini baru-baru ini.

Usai Subuh pagi Syawal, 'drama' berebut bilik air pasti berlaku. Tidak kira tua muda, satu bilik air pasti direbut hingga kaedah nombor penggiliran terpaksa dibuat.

Selepas solat sunat Aidilfitri, mereka saling bermaafan. Yang sulung mengetuai, pengganti ibu bapa yang telah pergi. Bagi kanak-kanak, itulah saat paling dinanti - sesi pemberian duit raya.

Menjadi kewajipan mereka mengenakan baju warna sedondon di pagi Aidilfitri. Pemilihan warna dibuat sepakat meski fesyennya berbeza-beza.

Acara wajib pastinya mengabdikan foto kenangan. Bergaya dengan pelbagai aksi walau hanya berlatar belakang suasana desa.

Hampir keseluruhan keluarga besar itu minat menyanyi. Pada malam raya mereka mengadakan karaoke selain menghabiskan sesi malam dengan aktiviti BBQ, membakar ayam dan ikan.

"Ini acara kemuncak keluarga kami. Walau hanya pertandingan antara adik beradik, kami tetap sediakan hadiah sebagai sokongan antara satu sama lain.

"Lagu dikumandang bukan hanya lagu raya. Semua irama dinyanyikan, konon tunjuk kehebatan vokal masing-masing," kata suri rumah itu sedikit tertawa.

Sambutan Syawal juga dimeriahi dengan permainan sampul raya bertuah. Seorang dari mereka akan menerima duit raya dengan nilai tertinggi.

"Kami diberi pilihan ambil sampul raya yang sudah diletakkan sejumlah wang. Lepas ambil sampul itu, pasti suasana gamat dengan sorakan kerana semua mahu tahu nilai duit raya yang diterima.

"Yang bertuah akan terima duit raya terbanyak. Acara itu bukan sahaja membuatkan rumah menjadi riuh malah hubungan kami semakin erat" katanya.

### Sekatan PKP

Namun, kemeriahan itu tidak dapat diteruskan tahun lalu. Barangkali juga tahun ini. Penularan wabak Covid-19 pada awal 2020 menyebabkan pergerakan rentas negeri disekat melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Kali ini, anak keenam itu hanya beraya bersama suami Azman Jamaluddin, 40, dan adik bangsu, Mohd Fahmi, 24, yang turut menetap di rumah pusaka itu.

Sama sekali berbeza. Raya dirai secara sederhana. Pagi Syawal jadi begitu hambar. Tiada menu istimewa, tiada lagi baju raya sedondon. Tiada sesi bermaafan, bergambar apatah lagi.

"Terngiang-ngiang suara anak-anak buah berlari bermain mercun. Suara mereka meminta duit raya.

"Dapur sunyi. Hanya saya seorang. Kalau tidak, kami semua akan berbual hingga jam dua tiga pagi," keluhnya.

Tahun lalu, mereka menyambut raya bersama adik beradik hanya melalui panggilan video telefon bimbit. Dapatlah menatap wajah, mendengar suara paling tidak.

Kerinduan itu hanya benar-benar terubat apabila sambutan Aidiladha pada Jun tahun lalu lantaran pergerakan rentas negeri dibenarkan.

Mereka berharap sambutan kali ini kembali meriah. Tiada lagi halangan untuk rentas negeri. Meski sedar kemungkinan itu tipis ekoran peningkatan kes Covid-19 kebelakangan ini, mereka berharap nostalgia beraya di desa, di rumah pusaka bukan lagi angan-angan.



# Nostalgia raya di desa





سalam

# Salam Cidilfitri

1 Syawal 1442 H

MAAF ZAHIR & BATIN



*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
**ZAINOL ABIDIN MOHAMED**







OLEH SHEEDA FATHIL  
FOTO FIKRI YUSOF

# BAHULU HIPSTER

**H**usaini Mat Rejab sanggup menjelajah ke serata negeri untuk mengumpulkan acuan kuih bahulu, warisan kuih-muih tradisional.

Beliau rela berhabis ribuan ringgit asalkan dapat memiliki acuan tersebut. Lebih 300 acuan pelbagai corak menjadi koleksinya kini. Bentuk ikan, ayam, daun, bunga raya, itik, udang, ketam, burung dan buah-buahan.

Paling istimewa, berbentuk udang dengan tulisan jawi di belakangnya yang dibeli pada harga RM350 seunit, edisi terhad dari Indonesia.

Pun begitu, beliau sedar kuih turun-temurun akan hilang ditelan zaman tanpa pengubahsuaian resipinya mengikut cita rasa peredaran masa.

Justeru, pelbagai variasi bahulu dihasilkannya. Selain perisa asli, beliau menampilkan perisa pandan, coklat, strawberi dan campuran buah-buahan.

## GUNA ARANG

Lelaki berusia 46 tahun yang berasal dari Kedah gemar membuat bahulu sejak zaman kanak-kanak lagi. Pembuatannya mudah, memadai tepung gandum, telur dan gula.

Bapa kepada dua anak kembar lelaki itu seringkali membuat kuih tersebut bersama neneknya. Dari situ, beliau belajar teknik mengguna arang yang jarang diguna pakai pada masa kini.

Dalam mempelajari teknik pembuatan kuih tradisi itu di serata negeri, beliau mendapati pembuatan bahulu di Johor lebih kepada penggunaan telur ayam berbanding Kedah dan Perak menggunakan telur itik.

“Alhamdulillah, saya berjaya mencipta resipi dengan gabungan telur ayam dan telur itik. Olahan resipi mengambil masa kira-kira enam bulan sebelum sempurna,” katanya.

Dengan keunikan itu, beliau membuka kedai Bahulu Arang di Setapak, Kuala Lumpur pada 2018 sebelum berpindah ke Bangsar pada tahun lalu.

Kecintaannya kepada bahulu juga membawa beliau ke Indonesia dan Singapura selama hampir lima tahun.

“Saya langsung tidak pernah menyesal walaupun terpaksa menghabiskan puluhan ribu ringgit untuk mendapatkan acuan berkenaan,” katanya.

Meski menitik berat soal warisan, beliau tidak keberatan jika bahulu diberi suntikan baru supaya kuih tradisi itu kekal digemari generasi baharu.

“Olahan resipi ini untuk menarik generasi muda menikmati bahulu kerana mereka mungkin tidak menyukai kuih tradisional, sebaliknya versi bahulu ‘hipster’ jadi pilihan,” jelasnya.

Beliau mengolah resipi hampir tiga bulan untuk memastikan bahulu ‘hipster’ sedap, lembut tetapi masih mengekalkan ciri-ciri asalnya.

Malah, pelanggan boleh menempah bahulu mengikut 300 acuan yang digemari. Harga bergantung kepada bentuk yang diingini.

Husaini yang sebelum ini bekerja dalam bidang teknologi maklumat selama 17 tahun juga berharap kuih bahulu diangkat ke serata dunia.

“Saya berharap dengan acuan yang dimiliki, teknik bakar guna arang dan gabungan resipi yang ada ini, saya boleh membuka Muzium Mini Bahulu Arang,” katanya.

Beliau kesal kerana sebahagian masyarakat sekarang tidak bangga dengan makanan warisan. Tidak seperti Jepun yang memperkasa sajian tempatan sekalipun bergelar negara maju.

“Kita perlu contohi masyarakat Jepun

**Meski menitik berat soal warisan tradisi, beliau tidak keberatan jika bahulu diberi suntikan baru supaya kuih tradisi itu kekal digemari generasi baharu. Olahan resipi ini untuk menarik generasi muda menikmati bahulu kerana mereka mungkin tidak menyukai kuih tradisional, sebaliknya versi bahulu ‘hipster’ jadi pilihan.**

menemui kesempurnaan yang dicari.

Lazimnya, Rosmah mengambil masa lima bulan untuk mendapatkan resipi sempurna meskipun menggunakan bahan hampir sama dengan kuih asal.

Beliau antaranya menjadikan kuih Bangkit kepada ‘Bangkit Cheese’ yang laris dalam kalangan kanak-kanak.

Onde-onde atau Buah Melaka berbentuk bulat lembik, permukaan luar dipenuhi kelapa dan berinti gula Melaka dijadikan Rosmah Onde-onde Cookies. Walau teksturnya berbeza, rasanya tetap sama.

Biskut Suji yang teksturnya lembut dan cair di mulut pula menjadi rangup dengan tambahan cornflakes. Beliau menamakannya ‘Suji Crunchy’.

Almond London pula diolah dengan tambahan nestum dalam adunan bagi menjadikannya lebih enak lagi rangup. Tiga kuih itu paling laris dijual Rosmah.

“Saya rasa tiada salah pun kita memberi sedikit kelainan kepada kuih raya tradisional, ia bergantung kepada minat dan cita rasa masyarakat,” katanya.

Saban tahun, beliau menerima tempahan lebih 2,000 balang terutama menjelang perayaan. Setiap biskut berharga antara RM30 hingga RM40.

“Saya menggunakan bahan berkualiti tinggi dan kebanyakannya resipi saya sendiri,” kata ibu kepada empat anak itu.



yang berbangga dan memperkasa sajian warisan meskipun bergelar negara maju,” katanya merujuk mochi, kuih tradisional Negara Matahari Terbit yang terkenal di pelusuk dunia.

## OLAH RESIPI

Rosmah Hamrin, 53, peniaga pelbagai jenis kuih raya tradisional juga mengolah resipi dengan menerap elemen moden tanpa meninggalkan konsep asas tradisi.

Namun, penghasilan formula baharu bukan mudah. Pernah beberapa kali resipi tidak menjadi, akhirnya kuih dibuang begitu sahaja. Ia tidak melunturkan semangatnya. Dek minat, beliau gigih berusaha hingga akhirnya



# *Salam Aidilfitri*

*maaf zahir dan batin*



1. Cadangan membina dan menyiapkan pembangunan Projek Rumah Selangorku di Seina Alam, Selayor U10 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan seluas 6 ekar.



2. Cadangan membina dan menyiapkan pembangunan Projek Rumah Selangorku di CyberValley, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan seluas 22 ekar.



**Rumah selangorku**



## Acryl Sani ketua polis negara baharu

**PUTRAJAYA** - Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani dilantik sebagai Ketua Polis Negara baharu berkuat kuasa 4 Mei.

Pelantikan Acryl Sani sebagai Ketua Polis Negara ke-13 adalah bagi menggantikan Tan Sri Abdul Hamid Bador yang tamat kontrak pada 3 Mei.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata pelantikan itu telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selepas menerima nasihat Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin atas perakuan Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP).

Hamzah berkata pelantikan Acryl Sani sebagai Ketua Polis Negara adalah sehingga 3 Oktober 2021 iaitu sehingga tempoh perkhidmatannya dalam polis tamat. -BERNAMA

## Neelofa, suami tampil beri keterangan

**SHAH ALAM** - Selebriti Noor Neelofa Mohd Nor dan suaminya, Haris Ismail memberi keterangan selama empat jam di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Nilai pada 4 Mei susulan dakwaan melanggar tatacara operasi piawai (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd Fazley Ab Rahman berkata keterangan pasangan itu diambil susulan tular gambar dan video mereka di media sosial yang dikatakan berada di sebuah premis menjual permaidani di Pusat Perniagaan Borong Nilai 3, Nilai pada 2 Mei.

"Selain itu, keterangan pemilik premis serta pembantu kedai permaidani turut dirakamkan. Kertas siasatan akan dirujuk ke Timbalan Pendakwa Raya selepas siasatan dikemas kini. Pihak polis menasihati orang ramai supaya tidak menimbulkan spekulasi berhubung fakta isu ini," katanya seperti dilapor Berita Harian.

Pasangan terbabit disiasat mengikut Seksyen 21A Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), Peraturan 19, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Kawalan Pergerakan Bersyarat) (No.4) 2021 serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

## Penerima vaksin dilindungi insurans

**SHAH ALAM** - Penerima suntikan vaksin AstraZeneca (AZ) mendapat perlindungan insurans jika mengalami kesan sampingan, kata menteri sains.

Khairy Jamaluddin berkata perkara itu berikutan vaksin berkenaan sebahagian Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

"Ya, vaksinasi menggunakan AZ dilindungi menerusi Dana Kecederaan Vaksin Covid-19. Meskipun AZ ditawarkan secara sukarela, keseluruhannya ia masih sebahagian daripada PICK.

"Ia juga (diberikan secara) percuma kepada penduduk memandangkan ia sebahagian daripada PICK," tulisnya di Twitter pada 1 Mei.

## Negeri-swasta belanja lebih RM10 juta

# Hab e-sukan terbesar Asia Tenggara

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri akan membangunkan pusat pembangunan e-sukan terbesar di Asia Tenggara bernilai kos lebih RM10 juta.

EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman berkata premis dilengkapi akademi latihan, penginapan, studio dan tenaga pengajar dijangka boleh digunakan mulai tahun depan.

"Ini program penting dalam sejarah Kerajaan Selangor kerana majlis menandatangani perjanjian ini matlamatnya menyokong usaha mewujudkan pusat pembangunan e-sukan.

"Pembangunan ini dijangka menggunakan lebih RM10 juta hasil gabungan kewangan swasta dan Kerajaan Negeri," katanya pada 30 April.

Terdahulu, beliau menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Serba Dinamik Group Berhad dan persatuan

e-sukan di sini.

Khairuddin berkata bangunan Hotel Carlton Holiday Hotel & Suites milik Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) di Seksyen 13 akan diubah suai dan dijadual siap pada hujung tahun ini.

"Tahun ini, kita ada peruntukan RM3 juta untuk kita turunkan ke daerah-daerah bagi pembangunan e-sukan. Pada tahun hadapan, kita akan gunakan pusat ini," katanya.

## Campur tangan politik dalam polis

**SHAH ALAM** - Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa siasatan menyeluruh dibuat terhadap pendedahan campur tangan politik dalam institusi kepolisan negara.

Ketua pembangkang juga menyifatkan pendedahan Tan Sri Abdul Hamid Bador baru-baru ini amat mendukacitakan dan mencemar nama baik polis jika benar.

"Sebagai sebuah badan utama negara dalam mengangkat kedaulatan undang-undang, polis seharusnya bersifat bebas daripada campur tangan politik.

"Apa yang berlaku secara tidak langsung membuktikan pemerintah tiada keabsahan ini menggunakan pelbagai cara dan helah untuk berpaut pada kuasa," katanya menerusi kenyataan pada 2 Mei.

Presiden Parti Keadilan Rakyat mengingatkan campur tangan sedemikian boleh menimbulkan kesangsian orang ramai terhadap kewibawaan pasukan itu.



"Saya menggesa siasatan menyeluruh dan lengkap dilakukan bagi menyasat pendedahan ini dan pemerintah mesti menjawab segala dakwaan sesegera mungkin," katanya.

Sebelum ini, Abdul Hamid mendakwa berlaku campur tangan politik dalam urusan pentadbiran polis dan menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat siasatan.

## Tindakan Finas bermotif politik

**SHAH ALAM** - Tindakan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) menolak permohonan geran penerbitan filem 'Angel of Sandakan' bermotif politik, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua pembangkang itu berkata alasan Finas untuk menolak permohonan dibuat penerbit filem Datuk Afdlin Shauki juga mengece-



wakan.

"Penolakan ini bermotifkan politik dan alasan diberikan Finas bagi menafikan dakwaan tersebut amat cetek serta dangkal sama sekali.

"Meski orang yang bertanggungjawab mengemudi Finas saat ini adalah orang politik, saya yakin isu ini dapat dilihat dan diurus tanpa pengaruh dan ke-

cenderungan politik," katanya menerusi Facebook.

Ahli parlimen Port Dickson itu juga meminta Finas mengkaji semula permohonan dibuat Afdlin demi menggerakkan semula industri perfileman tempatan.

Afdlin menerusi Facebook pada 29 April lalu kecewa apabila permohonan untuk mendapatkan geran untuk penerbitan filem ditolak dan mengesyaki itu mungkin berpunca sokongannya terhadap Parti Keadilan Rakyat.

## Selebriti media sosial dikompaun RM1,500

**PUTRAJAYA** - Seorang instafamous dikenakan kompaun RM1,500 kerana tidak memakai pelitup muka dalam video adegan raya melibatkan anggota polis berpakaian uniform yang dimuat naik di laman sosial miliknya, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Putrajaya ACP Mohd Fadzil Ali dalam kenyataan berkata kompaun kerana melanggar tatacara operasi piawai (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara itu dikeluarkan selepas lelaki terbabit hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya di sini pada 3 Mei.

Mengulas mengenai video tersebut, beliau berkata pihaknya mengesan ia dimuat naik individu terbabit pada 9.15 malam 2 Mei dan semakan mendapati lokasi adegan raya itu dilakukan di Bukit Rimau, Presint 3, di sini.

"Video tersebut turut melibatkan kenderaan polis jenis Proton Preve serta kenderaan persendirian jenis Honda City milik lelaki tempatan dan anggota yang terlibat dalam adegan lakonan tersebut berpakaian penuh uniform," katanya dalam kenyataan itu.

Mohd Fadzil berkata dalam video berkenaan, individu terbabit tidak me-

makai pelitup muka selain dilihat mempersendakan alasan-alasan yang diberikan bagi tujuan rentas negeri.

Menurut beliau, dua anggota polis dan seorang anggota tentera yang terlibat dalam video tersebut sedang bertugas dalam pasukan pematuhan SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan IPD Putrajaya.

"Saya tidak pernah membenarkan video tersebut dirakam atau dikeluarkan dan tiada sebarang bayaran atau suguhati diterima oleh pihak polis dalam hal ini," katanya. - BERNAMA





# Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf Zahir & Batin



*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas daripada :*  
**KUMPULAN NIRVANA ASIA**

富貴 **NIRVANA**







# Sebatang kara di pagi Syawal

OLEH SHEEDA FATHIL  
FOTO ASRI SAPFIE

**S**udah enam tahun tahun Mahadzir Hanafi menyambut Aidilfitri di pusat jagaan orang tua di Rumah Seri Kenangan, Cheras sejak 2016.

Beliau yang memilih begitu. Walau ada 12 adik-beradik, beliau tidak mahu menyusahkan mereka. Ajakan untuk tinggal bersama ditolaknyanya baik-baik.

Demikian jua Siti Aishah Abdullah. Walau anak tunggalnya mempelawa tinggal sebumbung, beliau enggan apatah lagi anaknya itu bukan hidup senang.

Siti Aishah tidak mahu jadi beban kepada mereka. Lagipun, beliau seronok diam di pusat jagaan. Dapat belajar macam-macam. Segalanya terjaga.

## JANGGAL

Mulanya Mahadzir berasa janggal duduk di situ. Berkongsi sebilik sampai enam orang, perlu ikut pelbagai peraturan dan wajib menyertai kegiatan pusat jagaan. Namun lama-kelamaan, beliau mula berasa seronok dan selesa.

Setiap hari mereka belajar agama, solat berjemaah dan bermacam-macam lagi kegiatan lain termasuk senaman beramai-ramai atau berehat membaca akhbar mahupun televisyen. Tidak lagi dibelenggu sunyi.

Mahadzir sendiri memilih masuk ke situ. Tidak lama beliau mengalami nahas motosikal pada 2014. Kakinya patah. Tiga puluh hari lamanya beliau terkedang di sebuah hospital di Kedah.

Enam bulan lamanya beliau menunggu permohonan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk diterima menghuni pusat jagaan itu. Beliau sendiri mengurus segala dokumen.

Anak kelima dari 12 beradik berasal dari Alor Setar berkeras mahu tinggal di situ walau dipujuk adik-beradiknya yang

mengajak tinggal bersama.

Namun, Mahadzir tetap merindui suasana raya di kampung. Ketupat palas, rendang ayam yang banyak dihidang pusat jagaan selalu mengundang nostalgia. Lebih-lebih lagi teringat ibu bapanya yang telah lama dipanggil Ilahi.

Tiap kali kedengaran lagu *Dendang Perantau* karya Allahyarham Tan Sri P Ramlee, kerinduannya membuak-buak.

Namun, pesara pembantu perubatan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah tetap gembira menyambut Aidilfitri bersama 231 penghuni lain.

Hidupkan pelita malam raya, bakar lemay, anyam ketupat dan menghias antara kegiatan yang dilakukan bersama-sama di Rumah Seri Kenangan.

Meski diam di pusat jagaan, Mahadzir tidak pernah berasa dilupakan. Beberapa kali juga abang-abangnya menziarahinya.

"Kadang kala abang saya datang sini meraikan hari raya bersama. Dia tinggal di Kuala Lumpur. Bawa juadah raya dan ada masanya bawa saya tiga, empat hari duduk di rumah," katanya kepada Selangorkini.

Berumur 68 tahun, beliau juga tidak pernah menyesal hidup membujang hingga usia renta meski hari-hari tuanya harus dihabiskan di pusat jagaan.

"Lupalah nak kahwin, lagipun dah tua, tiada orang hendak. Saya harap tinggal sahaja di sini sehingga meninggal dunia. Lagipun saya selesa duduk

sini, ada ramai kawan," katanya, sedikit berseloroh.

## TETAP RINDU

Siti Aishah, 73, mahu menghabiskan sisa hidupnya di situ. Berasal dari Ipoh, Perak, beliau tinggal di rumah jagaan tersebut

**“ Sekalipun berjauhan dengan anak, Siti Aishah sentiasa berharap Hari Lebaran tetap meriah meskipun perayaan itu disambut bersama rakan-rakan seusia. Kerinduan kepada anak tetap berputik. Bukan sekali dua bahkan berkali-kali tetapi keceriaan hidup bersama penghuni menangkis gelora perasaan tersebut.**

anak ada telefon ajak tinggal di rumahnya tetapi saya tolak.

"Anak kerja sebagai pengawal keselamatan, menantu suri rumah. Pendapatan mereka mungkin cukup-cukup makan sahaja.

"Lebih baik saya duduk sini, semua pun terjaga. Makan, minum enam kali sehari, ramai kawan, penjaga pun semuanya baik," kata wanita keturunan India yang memeluk Islam sejak 1973.

Penghuni silih berganti. Ada meninggal dunia, ada yang diambil ahli keluarga. Namun, beliau tidak bosan dan tetap seronok bertemu dengan ramai orang berbeza hampir saban tahun.

"Teman sebilik memang selalu bertukar ganti, tetapi saya tidak kisah sebab pada masa sama kita dapat kenal orang baharu, dapat kawan baharu," katanya.

Sekalipun berjauhan dengan anak, Siti Aishah sentiasa berharap Hari Lebaran tetap meriah meskipun perayaan itu disambut bersama rakan-rakan seusia.

Kerinduan kepada anak tetap mekar. Bukan sekali dua bahkan berkali-kali tetapi keceriaan hidup bersama penghuni menangkis gelora perasaan tersebut.

"Setiap kali tibanya hari raya, perasaan rindu kepada Allahyarham suami dan anak mesti ada. Kadang kala anak ada telefon tanya khabar," katanya yang tiga tahun tidak bersua wajah dengan anaknya.

Sedikit sebak, beliau berharap keputusannya tinggal di rumah jagaan tidak menyinggung perasaan anaknya.

"Tetapi di sini pun saya dan penghuni lain kami juga rai hari raya seperti satu keluarga," katanya dengan riak tenang dan senyuman kemudiannya.



sejak 10 tahun lalu selepas suaminya meninggal dunia pada 2009.

Anak tunggal lelakinya ada mengajak tinggal bersama tetapi beliau lebih menyenangi rumah jagaan tersebut.

"Suami sudah lama meninggal dunia,





# *Salam Aidilfitri*

*maaf zahir dan batin*

Cadangan membina dan menyiapkan projek pembangunan perumahan kediaman di atas sebahagian tanah bekas Hutan Simpan Bukit Lagong Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan seluas 65 ekar



**Rumah selangor<sup>or</sup>ku**



## Kutip RM33,000 dari warga asing

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM33,000 dikutip dari caj terhadap warga asing yang menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor.

EXCO Pengangkutan Ng Sze Han berkata jumlah terkumpul itu dipungut sepanjang sebulan caj dikenakan mulai 15 Mac.

"Bas percuma hanya untuk penduduk tempatan. Kita tidak halang warga asing menggunakan bas ini tetapi mereka perlu bayar 90 sen untuk perjalanan sehala," katanya.

Bermula pertengahan Mac, warga asing dikenakan bayaran untuk menaiki bas berkenaan bagi menampung sebahagian kos penyelenggaraan.

Caj hanya dikenakan kepada warga asing dalam lingkungan 18 hingga 59 tahun tanpa mengira destinasi.

Pengguna juga wajib menggunakan fungsi 'Scan To Ride' menerusi aplikasi Citizen E-Payment (CEPat) dengan mengimbas kod QR di pintu masuk dan keluar bas.

Sementara itu, Kerajaan Selangor menambah laluan perkhidmatan Bas Smart Selangor sekitar Parlimen Kota Raja bagi memudahkan urusan penduduk setempat.

Sze Han menjelaskan pertambahan laluan 21 kilometer yang mula beroperasi antara jam 6 pagi hingga 10 malam membabitkan empat bas berkapsiti 45 penumpang dengan kekerapan antara 15 hingga 25 minit mulai 1 Mei.

Beliau berkata kos operasi dibiayai Majlis Bandaraya Shah Alam sepenuhnya melalui peruntukan RM1.1 juta setahun.

## Hulur RM1,000 kepada penduduk terjejas

# Bantuan RM60,000 baiki bumbung rosak



Amirudin melihat keadaan Pangsapuri PKNS Taman Keramat AU2 yang rosak akibat ribut pada 29 April. Foto FIKRI YUSOF

Oleh **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

**AMPANG JAYA** - Dato' Menteri Besar meninjau Blok E Flat PKNS AU2 Taman Keramat di sini yang terjejas akibat ribut pada 28 April.

Dato' Seri Amirudin Shari menganggar peruntukan antara RM50,000 hingga RM60,000 untuk membaiki kerosakan struktur berkenaan.

Diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Siti Zubaidah Abd Jabar, beliau turut menghulur ban-

tuan RM1,000 dan barangan keperluan asas kepada penduduk.

"Saya berharap keluarga terjejas bersabar. Insya-Allah saya dimaklumkan PKNS kerosakan bumbung sempat dibaik pulih sebelum sambutan Aidilfitri," katanya selepas menziarahi lima keluarga terjejas di tingkat empat kediaman itu.

Kejadian ribut jam 1.45 tengah hari menyebabkan kerosakan teruk bumbung flat PKNS berkenaan yang juga dikenali sebagai Flat Colombia.

Penghuni terjejas, Noorini Abdullah, 70, berharap pembaikan kerosakan bumbung siap untuk mereka

menduduki menjelang hari raya.

"Makcik sebak ketika menerima kunjungan Dato' Menteri Besar, tidak sangka beliau segera datang melihat sendiri kerosakan yang berlaku.

"Kesungguhannya datang ke rumah memberi kelegaan kepada makcik dan suami yang uzur," katanya.

Bagi Aris Bay Haki, 36, mereka sekeluarga tidur di ruang tamu sementara siling rumah mereka siap dibaiki.

"Bumbung flat pernah dibaiki dua tahun lepas. Justeru, saya harap kontraktor menggunakan bahan berkualiti tinggi untuk elak kejadian sama (berulang)," katanya.

## Bangun ladang solar skala besar

**KUALA LANGAT** - Tanah berstatus pertanian boleh dijadikan tapak untuk membangunkan projek Ladang Solar Berskala Besar (LLS), kata EXCO Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.

Hee Loy Sian berkata sebelum ini antara ketetapan yang digariskan untuk membangunkan projek LLS adalah ia harus dibangunkan di atas tanah berstatus industri.

"Sebelum ini (pengusaha) mengalami masalah status tanah tapi sekarang kami mudahkan mereka

iaitu status tanah pertanian boleh dibuat ladang solar," katanya selepas meninjau projek LLS di sini pada 30 April.

Loy Sian berkata mana-mana pengusaha yang berminat untuk membangunkan ladang solar boleh meneliti Garis Panduan Perancangan Ladang Solar Negeri Selangor yang telah diluluskan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 16 Disember 2020.

Jelasnya, setakat ini sebanyak dua projek LLS telah dibangunkan

di atas darat berkeluasan 98.34 hektar pada 2018 dan 21.45 hektar ladang solar terapung tahun lepas di Kuala Langat.

"Dalam perancangan akan datang, ada dua lagi syarikat (tempatan) membuat permohonan ladang solar atas tanah di Klang dan satu lagi ladang solar terapung di Hulu Selangor. Kami (Kerajaan Negeri) telah bagi kelulusan untuk mereka buat bidaan di bawah Suruhanjaya Tenaga," katanya. - BERNAMA



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

### KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000007033	PACKAGE H1(A) - SUPPLY AND DELIVERY OF NEW FOUR (4) UNITS ISUZU FVR AUTO TRUCKS WITH 10,000 LITER STAINLESS STEEL WATER TANKER
2.	PN0000006957	SUPPLY, TRANSPORT, DELIVERY, LOADING AND UNLOADING OF DUCTILE IRON (DI) PIPES TO PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
3.	PN0000006988	SUPPLY, TRANSPORT, DELIVERY, LOADING AND UNLOADING OF HIGH DENSITY POLYETHYLENE (HDPE) PIPES TO PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
4.	PN0000006974	BIG DATA ANALYTICS (PHASE 2) - EXPANSION OF ENTERPRISE DATA LAKE AND DEVELOPMENT & IMPLEMENTATION OF OPERATIONS BUSINESS INTELLIGENCE
5.	PN0000007065	OPERATIONS MOBILE APPLICATION (PHASE 2) - ENHANCEMENT AND EXPANSION OF OPERATIONS MOBILE APPLICATION
6.	PN0000007025	REHABILITATION OF RAW WATER PUMPS AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT JENDERAM HILIR INTAKE, SG. SEMENYIH WTP

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan Air Selangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.



# Selamat Hari Raya Aidilfitri

Ikhlas Danipada

**YAWAS**  
yayasan warisan anak selangor



YAB Dato' Seri Aminudin Bin Shari  
MENTERI BESAR SELANGOR



Selamat Hari Raya  
Maaf zahir dan batin

Pn. Gan Pu Nui  
PENGURUS BESAR YAWAS



BANTUAN MASUK SEKOLAH (PBMS)



SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)



SKIM BANTUAN ASUHAN ANAKKU PINTAR (ASUH PINTAR)



SKIM BANTUAN TADIKA SELANGOR (TUNAS)



BANTUAN KHAS ANAK ISTIMEWA SELANGOR (ANIS)



SKIM KESIHATAN WANITA SELANGOR (SKW5)



PROJEK RIANG RIA DUNIA MEMBACA



KURSUS INSENTIF PERKEMBANGAN KANAK-KANAK (KIPK)

Yayasan Warisan Anak Selangor-YAWAS

yayasanwarisananakselangor

03-5481 8800

www.yawas.my

YAWAS TV

# Salam Aidilfitri

SELAMAT HARI RAYA  
AIDILFITRI  
MAAF ZAHIR & BATIN

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas daripada,  
PENGURUSAN & SELURUH WARGA KERJA

tourism  
**SELANGOR**

Imbas Di Sini!



www.selangor.travel



Juliana Evans  
Duta Kempen Pelancongan

Mak Bercuti?  
**PUSING  
SELANGOR DULU!**





*"Semoga Allah menerima (puasa) kita dan menjadikan kita kembali (dalam keadaan suci) dan termasuk orang-orang yang mendapatkan kemenangan."*

Dari pihak pengurusan dan warga kerja

**INVEST**  
**SELANGOR**   
THE GOLDEN STATE OF MALAYSIA

[www.investselangor.my](http://www.investselangor.my)

  @InvestSelangor   @InvestSelangorBerhad